

1 SONGKET BERBENANG EMAS (Khairudin Ayip) Edisi Perak, Kedah, Pulau Pinang, dan Perlis

Sinopsis

Dahlia sedang berlatih bola jaring bersama-sama dengan rakan-rakannya di padang sekolah. Ketika itu, Dahlia teringat akan emaknya, Saleha yang bersikap pelik sejak akhir-akhir ini. Beliau bercakap sendirian di bawah pokok getah dan merayau tidak tentu arah apabila menjelangnya waktu senja.

Azhari menemui Dahlia di kantin sekolah. Dia bertanyakan khabar Dahlia, persediaan Dahlia untuk menghadapi peperiksaan STPM, dan menyatakan hajatnya untuk membawa keluarganya ke rumah Dahlia untuk membincangkan hubungan mereka secara serius. Dahlia menyatakan pendiriannya kepada Azhari bahawa keutamaannya adalah untuk memberikan perhatian terhadap pelajaran dan membantu keluarganya terlebih dahulu berbanding dengan memikirkan soal perkahwinan.

Azhari menghantar Dahlia pulang ke rumahnya. Kepulangan Dahlia disambut dengan sindiran daripada jirannya, Aton dan tangisan adik bongsunya, Anggerik. Tindakan Dahlia yang berusaha memujuk dan membawa emaknya yang mengalami masalah kemurungan dengan bercakap sendirian dan sesekali ketawa di kebun getah balik ke rumah menemukan kegagalan. Sementara itu, Nek Kiah meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap menantunya, Embong yang dikatakan menjadi punca nasib malang Saleha sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak.

Saleha yang mengalami penyakit kemurungan terpaksa diantar ke Hospital Batu Pahat untuk menjalani rawatan pemulihian. Embong meluahkan masalahnya kepada Dahlia tentang kesukarannya untuk memetik buah kelapa sawit di kebun Haji Sulaiman di kampung sebelah kerana tiada orang untuk menjaga Anggerik. Embong memarahi anaknya, Abu Bakar kerana menjadi gelandangan selama tiga hari. Oleh sebab berasa takut Abu Bakar kembali melarikan diri dalam kepekatan malam.

Dahlia tiba di Hospital Batu Pahat untuk melawat emaknya. Namun begitu, Haji Sulaiman memaklumkan bahawa emaknya telah dipindahkan ke Hospital Permai di Johor Bahru, Johor. Dahlia memutuskan untuk tidak hadir ke sekolah kerana Anggerik demam panas. Dahlia juga berusaha untuk menyelamatkan Said yang tenggelam di dasar sungai tetapi menemukan kegagalan. Sebaliknya, Aton menuduh Embong sebagai perancang kematian anak tunggalnya, Said. Dahlia pula dikatakan pembunuhan anaknya sehingga sesetengah penduduk kampung yang tidak tahu akan cerita sebenar turut terpengaruh oleh cerita palsu Aton. Dahlia membawa Anggerik ke klinik dengan bantuan Najib dan Kavita. Sementara itu, Seman memfitnah adik iparnya, iaitu Embong kepada ibunya, Nek Kiah yang dikatakan menjadi punca Saleha menjadi gila. Seman memujuk emaknya agar menjual tanah pusaka termasuk tapak rumah Embong. Dahlia melawat emaknya di Hospital Permai, Johor Bahru. Secara tidak sengaja, dia berjumpa dengan Najib yang bertugas di hospital itu sebagai pekerja sementara. Embong pula mendapat dua ekor kambingnya telah dicuri.

Pelbagai peristiwa berlaku kepada Dahlia sekeluarga. Antaranya, keluarga Azhari ke rumah Dahlia untuk merisiknya. Embong dipatuk oleh seekor ular tedung sewaktu berada di bilik mandi dan terpaksa ditahan di wad lelaki, Hospital Batu Pahat selama seminggu. Nek Kiah pula memberitahu Dahlia bahawa tanah tapak rumahnya akan dijual. Kedatangan Najib dan Azhari secara kebetulan ke rumah Dahlia telah menyebabkan nenehnya beranggapan bahawa dia ialah perempuan yang tidak baik. Akibat dendam yang membawa, Aton semakin galak menyindir dan memfitnah Dahlia sebagai perempuan yang rendah akhlak semasa mereka bersama-sama menyediakan hidangan untuk Majlis Maulidur Rasul peringkat Kampung Parit Haji Rais. Kata-kata fitnah Aton itu telah mengundang rasa marah Abu Bakar. Abu Bakar cuba menyerang Aton tetapi berjaya dihalang oleh Haji Sulaiman. Ketika di rumah, Abu Bakar memujuk kakaknya yang sedang menangis dan bersedih atas tohmahan dan fitnah Aton itu. Abu Bakar juga mengakui kesalahannya yang mencuri dan menjual kambing milik ayahnya.

Ketika mengemas bawah rumah, Abu Bakar telah menemukan dua biji telur ayam berwarna hitam dan berbau busuk. Telur itu mengandungi pelbagai bahan untuk tujuan sihir dan khianat kepada keluarganya. Dahlia meminta Abu Bakar membuang telur-telur ayam itu ke dalam sungai. Dahlia ke rumah Nek Kiah dan mendapati nenehnya terbaring kesakitan. Dahlia cuba membantu nenehnya tetapi dihalau dengan alasan tidak mahu rumahnya didatangi sial. Rakan-rakan Dahlia dan Cikgu Hisyam gembira apabila Dahlia hadir ke sekolah semula. Sekembalinya dari sekolah, Dahlia mendapati emaknya telah dibenarkan pulang ke rumah. Nek Kiah dimasukkan ke wad wanita, Hospital Batu Pahat kerana sakit. Embong sekeluarga bergilir-gilir menjaga Nek Kiah selama dia berada di hospital itu. Nek Kiah berasa bersalah atas sikap prejudisnya terhadap Embong sekeluarga. Nek Kiah tinggal di rumah Embong setelah dibenarkan pulang dari Hospital Batu Pahat.

Banjir besar telah melanda Kampung Parit Haji Rais. Penduduk kampung terpaksa dipindahkan ke surau dan balai raya. Menurut Haji Sulaiman, banjir yang berlaku di kampung mereka adalah untuk mencuci segala kekotoran yang ada di kampung itu. Nek Kiah meminta Embong sekeluarga menetap di rumahnya selepas banjir berakhir dan air surut kerana rumah Embong telah musnah. Penduduk kampung kembali mengamalkan budaya muafakat. Kaum lelaki bergotong-royong membina rumah Embong, manakala kaum wanita bekerjasama menyediakan hidangan.

Dahlia tekun belajar dan berjaya menghadapi peperiksaan STPM dengan jayanya. Cikgu Daim membawa khabar berita buat Dahlia, iaitu dia terpilih untuk mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun. Sebelum itu, Dahlia diwajibkan mengikuti kursus bahasa Jepun selama enam bulan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Majlis pertunangan antara Dahlia dengan Azhari selamat dijalankan pada 30 Disember walaupun tanpa upacara menyarungkan cincin. Azhari menemui Dahlia di stesen bas sebelum bas ekspres bertolak ke Kuala Lumpur dan mengucapkan *Koi-bitō* kepada Dahlia. Azhari menghadiahi Dahlia sehelai songket merah berbenang emas sebagai simbol bahawa mereka ialah orang Melayu yang kaya dengan adat dan budi bahasa.

Inti Pati Bab

Bab 1: Kalaukah Engkau Mengerti

- Dahlia dan rakan-rakannya sedang berlatih bola jaring di padang sekolah.
- Dahlia teringat akan emaknya yang bersikap pelik sejak akhir-akhir ini seperti bercakap sendirian di bawah pokok getah dan merayau tidak tentu arah apabila menjelangnya waktu senja.
- Azhari bertanyakan khabar Dahlia dan persediaannya untuk menghadapi peperiksaan SPM.
- Azhari juga menyatakan hajatnya untuk membawa keluarganya ke rumah Dahlia bagi membincangkan hubungan mereka secara serius.
- Dahlia ingin memberikan perhatian terhadap pelajaran dan membantu keluarganya terlebih dahulu berbanding dengan soal perkahwinan.
- Azhari menyatakan bahawa dia sesekali tidak menghalang hasrat Dahlia untuk menyambung pelajaran dan membantu keluarganya walaupun mereka sudah berkahwin kelak.

Bab 2: Detik-detik Hati Tersentuh

- Azhari menghantar Dahlia balik ke rumahnya hingga kepala jambatan kayu.
- Jirannya, Aton menyapa Dahlia dengan kata-kata sindiran.
- Melati memberitahu Dahlia bahawa emaknya keluar dari rumah dan belum balik sejak tadi. Anggerik pula menangis kerana tidak mahu minum susu cair.
- Dahlia meminta Melati ke kedai runcit Tauke Lim untuk membeli susu tepung Anggerik dengan cara berhutang.
- Dahlia berusaha untuk memujuk dan membawa emaknya yang berada di kebun getah balik ke rumah tetapi ditolak oleh emaknya hingga dia terjatuh ke tanah yang beacak.
- Empong muncul di kebun getah dan berusaha untuk memujuk Saleha agar balik ke rumah, tetapi Saleha berjaya melarikan diri.

Bab 3: Jangan Tinggalkan Kami

- Nek Kiah mempersoalkan tindakan Embong yang mengikat tangan dan kaki Saleha di pojok rumah.
- Nek Kiah menyatakan bahawa Embong pembawa nasib malang terhadap Saleha sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak.
- Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Haji Sulaiman datang ke rumah Embong bersama-sama dengan tiga orang kakitangan Hospital Batu Pahat untuk membawa Saleha ke hospital.
- Empong keberatan untuk membenarkan isterinya dibawa ke hospital dengan alasan penyakit isterinya tidak merebak dan tidak akan menjangkiti sesiapa.
- Empong meminta Dahlia menjaga adik-adiknya kerana dia akan mengikut Haji Sulaiman untuk menghantar isterinya ke Hospital Batu Pahat.

Bab 4: Dibuai Kenangan Indah

- Dahlia membantu Melati menyelesaikan latihan matematik, menyiapkan kerja sekolahnya, dan menyelesaikan kerja rumah selepas mendurkan serta menyelimutkan tuala ke tubuh Anggerik.
- Dahlia teringat akan peristiwa Azhari menghantarnya pulang dari asrama dengan meminta Azhari menurunkannya di tepi jalan masuk ke Kampung Parit Haji Rais untuk mengelakkan orang kampung bercakap perkara yang tidak benar tentang dirinya.

- Empong teringat akan kata-kata yang pernah diluahkan terhadap isterinya tentang ibu mentuanya yang tidak menyukai keluarganya.
- Empong juga teringat akan perbincangannya dengan Saleha mengenai harapan mereka terhadap masa depan anak-anak mereka.
- Empong teringat kembali kata-kata Saleha yang memberitahunya tentang bayang-bayang yang pernah mengejarnya dan suara-suara pelik yang mengganggu hidupnya.
- Dahlia menanyakan ayahnya tentang keadaan emaknya di Hospital Batu Pahat.
- Ketika Embong mendakkan kata-kata Dahlia bahawa isterinya dibuat orang, dia teringat kembali peristiwa isterinya yang menjerit, meraung, dan menundukkan kepala sewaktu berada di bilik kurungan.
- Empong menyatakan kesukarannya untuk melakukan kerja memetik buah kelapa sawit di kebun Haji Sulaiman di kampung sebelah lantaran tiada orang untuk menjaga Anggerik di rumah.
- Empong menanyakan Abu Bakar sebab dia tidak pulang selama tiga hari.
- Ketika Embong cuba mendapatkan anak lelaki tunggalnya itu, Abu Bakar berlari ke jalan yang becek dalam kepekaan malam.

Bab 5: Kata Setajam Pedang

- Bas JMBC yang dinaiki oleh Dahlia untuk ke sekolah sarat dengan penumpang.
- Dahlia teringat akan peristiwa ayahnya yang sanggup menjaga Anggerik kerana memberikan laluan kepadanya ke sekolah.
- Dahlia teringat akan kata-kata Siti Wangi yang memintanya mencari isi untuk dibincangkan dalam kertas kerja yang diberikan oleh Cikgu Hisyam.
- Dahlia mengenang kembali peristiwa kesediaan Azhari untuk membantunya jika dia berada dalam kesusahan.
- Dahlia memberitahu Siti Wangi bahawa dia gagal mencari isi-isi penting dan pada petang itu dia akan ke hospital untuk melawat emaknya yang sakit.
- Dahlia teringat akan rayuan Melati yang memintanya pulang ke rumah untuk menjaga Anggerik.
- Haji Sulaiman mengajak Dahlia balik ke rumahnya kerana emaknya tiada di wad 6, Hospital Batu Pahat.
- Dahlia hampir pitam setelah dimaklumkan bahawa emaknya telah dipindahkan ke Hospital Permai, Johor Bahru.

Bab 6: Ditelan Arus Deras

- Dahlia memerhatikan gelagat kanak-kanak yang mandi di sungai.
- Dahlia teringat akan perbualannya dengan ayahnya tentang emaknya yang menerima rawatan lanjutan di Hospital Permai, Johor Bahru.
- Haji Sulaiman memberitahu Embong sebab-sebab dia bersetuju untuk membenarkan pihak Hospital Batu Pahat menghantar Saleha ke Hospital Permai, Johor Bahru.
- Nek Kiah menggores pintu rumah Dahlia dengan tanda campur untuk mengelakkan hantu masuk ke dalam rumah dan melarang Dahlia memadam tanda campur tersebut.
- Dahlia bergegas ke tebing sungai apabila mendengar jeritan bahawa Said tenggelam di dasar sungai.
- Dahlia terjun ke dalam sungai dan menemukan Said yang tenggelam di dasar sungai yang berselut.
- Seorang anak muda mengangkat Said ke tebing sungai lalu memeriksa dengungan jantung Said.

- Nek Kiah mengarahkan anak muda itu segera mengangkat Said dan dibawa keliling rumah sebanyak tujuh kali untuk memastikan Said kembali bernafas, namun usahanya itu gagal.

Bab 7: Berbudi Dibalas Nista

- Empong ke rumah Aton untuk menziarahi jenazah Said yang mati lemas. Sebaliknya, dia dituduh sebagai perancang kematian anak tunggalnya, Said.
- Sesetengah penduduk kampung yang tidak tahu akan cerita sebenar turut terpengaruhi oleh fitnah Aton.
- Empong marah dan kesal dengan tuduhan Aton terhadap Dahlia walaupun anaknya itu sanggup berkorban nyawa untuk menyelamatkan Said.
- Ketika Embong hendak memulakan kerja memetik buah kelapa sawit, Embong terserempak dengan ular sawa bersaiz pahanya.
- Embong mencari sebilah buluh untuk membunuh ular sawa itu.
- Tanpa diduga, ular sawa itu sudah bergantung pada pokok lain dan menjuntaikan kepala ke arahnya hingga menyebabkan dia terjatuh.

Bab 8: Bayang-bayang Kecelakaan

- Dahlia bermimpi ular membilit badannya.
- Sementara itu, demam panas Anggerik semakin mlarat.
- Dahlia teringat kembali peristiwa orang kampung yang memperlekehkan usahanya yang dikatakan lambat menyelamatkan nyawa Said hingga menyebabkan Said mati lemas.
- Dahlia teringat peristiwa Aton memaki hamun dan menuduhnya membunuh anak lelaki tunggalnya, Said.
- Dahlia teringat perbualannya dengan Melati yang tidak mahu ke sekolah kerana malu apabila emaknya dituduh sebagai "gila".
- Embong pulang dari kebun kelapa sawit dengan membawa bangkai ular sawa.
- Ketika Embong berada di tebing sungai, dia ternampak seolah-olah Said melambai-lambaikan tangannya.
- Najib dan Kavita datang ke rumah Dahlia untuk bertanyakan khabarnya yang tidak hadir ke sekolah.

Bab 9: Apabila Tamak Menguasai Diri

- Najib teringat peristiwa Dahlia yang sentiasa menolak keinginannya untuk berkunjung ke rumah Dahlia dengan memberikan berbagai-bagai alasan.
- Najib, Kavita, dan Dahlia membawa Anggerik yang demam panas ke klinik.
- Di rumah Nek Kiah, Seman menfitnah Embong yang dikatakan menjadi punca Saleha menjadi gila.
- Seman mencadangkan emaknya agar menjual tanah pusaka termasuk tapak rumah Embong.
- Mak Kiah bersetuju dengan cadangan Seman untuk menjual tanah pusaka itu lantaran harganya yang mahal.

Bab 10: Selamat Tinggal, Asrama Puteri!

- Di bilik warden asrama, Dahlia menerangkan punca kelewatannya kepada Cikgu Salwani.
- Keputusan Dahlia untuk keluar dari asrama amat mengejutkan Cikgu Salwani.
- Dahlia terbayang akan wajah emaknya yang seolah-olah menjerit dan memanggilnya datang ke Hospital Permai.
- Dahlia juga terbayang akan wajah adiknya, Anggerik yang ketiadaan tempat bermanja setelah emaknya menerima rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru.

- Kavita menyampaikan pesanan Cikgu Hisyam yang ingin berjumpa dengan Dahlia di bilik kerjaya.
- Cikgu Hisyam ingin mengetahui punca masalah yang sedang dihadapi oleh Dahlia.
- Cikgu Hisyam menasihati Dahlia agar memikirkan pelajaran dan masa depannya selepas peperiksaan SPM.
- Dahlia berjanji akan memastikan masalah tersebut tidak mengganggu tumpuan perhatiannya terhadap pelajaran.

Bab 11: Pedihnya Melayan Kerenah Anak

- Ketika membasuh motosikal Honda Cub 90cc milik kawannya, Abu Bakar terbayangkan betapa mudahnya dia bergerak dan melakukan aktiviti jika memiliki motosikal sendiri.
- Abu Bakar juga membayangkan betapa beruntungnya nasib kawan-kawannya yang hidup senang-lenang berbanding dengan dirinya.
- Abu Bakar mengomel apabila kambing ayahnya mengembek akibat kelaparan di kandang.
- Abu Bakar memarahi Melati yang tidak pandai menjaga Anggerik yang sedang menangis.
- Abu Bakar kembali membayangkan rancangannya pada malam nanti untuk pergi menyaksikan pertunjukan pentas kumpulan rock.
- Melati membebels kepada Abu Bakar kerana bunyi enjin motosikal yang kuat menyebabkan Anggerik tidak dapat tidur dengan lena.
- Abu Bakar cuba menampar pipi Melati, namun niatnya itu terhalang apabila ayahnya pulang.
- Embong terbayangkan ular sawa yang dibunuuhnya telah menyebabkan anak-anak ular itu kehilangan ibunya.
- Embong terbayangkan kambing yang berjumlah 12 ekor kini hanya tinggal dua ekor.

Bab 12 : Air Mata Menitis di Hospital Permai

- Dahlia tiba di Hospital Permai, Johor Bahru dengan menaiki teksi di Stesen Bas Johor Bahru.
- Dahlia diminta ke bilik Doktor Ridhuan untuk berbincang tentang punca penyakit emaknya dan cara penyelesaiannya.
- Dahlia menemui emaknya yang dikuurung di dalam bilik Nombor 16.
- Saleha tidak mengenali Dahlia sewaktu Dahlia memanggil namanya sebaliknya menganggap Dahlia sebagai pemungut hutang.
- Dahlia pengsan kerana tidak menyangka bahawa tahap kurang siuman emaknya serius.

Bab 13: Pahitnya Menelan Kenyataan

- Embong bermonolog tentang harapannya terhadap kesihatan Saleha yang dirasakan sudah sembuh sepenuhnya dan akan pulang ke pangkuhan keluarganya pada masa terdekat.
- Embong bermonolog supaya Saleha bersabar dengan mematuhi nasihat doktor dan makan ubat sekiranya masih sakit.
- Embong disapa oleh Haji Deraman ketika dia sedang menyabit rumput untuk dua ekor kambingnya.
- Embong menyangkakan Dahlia berpeleseron dengan Azhari tetapi dia yakin bahawa anaknya tahu menjaga maruah diri.
- Dahlia membohongi ayah dan adik-adiknya dengan mengatakan bahawa emaknya sihat.
- Dahlia memberitahu ayahnya tentang keputusan tekadnya keluar dari asrama.
- Dahlia juga memerihalkan keadaan sebenar penyakit emaknya kepada ayahnya.
- Embong teringat kembali peristiwa isterinya yang pernah menghalau Aton yang masih menagih hutang daripada isterinya yang telah dilangsikannya.
- Embong mendapati dua ekor kambingnya telah dicuri.

Bab 14: Hilang dari Kandang

- Embong menceritakan kejadian kambingnya dicuri selepas waktu maghrib kepada Tauke Lim.
- Dahlia teringat akan kata-kata Azhari yang memaklumkan bahawa keluarganya akan datang ke rumahnya untuk merisik Dahlia.
- Dahlia membayangkan kebimbangannya terhadap keluarga Azhari yang tidak menyukai keluarganya yang miskin.
- Dahlia juga membayangkan sikap ibu Azhari yang akan menolak Dahlia disebabkan dia tinggal di rumah buruk dan berlaku pertikaman lidah antara mereka.

Bab 15: Ingin Disunting Bunga di Taman

- Rombongan keluarga Azhari bertandang ke rumah Dahlia untuk urusan merisik.
- Embong meminta Dahlia mengambil cincin yang ada di atas meja jika dia bersetuju.
- Embong juga terbayang alangkah bahagia jika isterinya ada bersama-sama pada waktu itu.
- Setiap kali solat Jumaat, Embong datang awal ke masjid untuk menyusun sejadah dan mengemas apa-apa yang patut.
- Sewaktu berada di bilik mandi, seekor ular tedung telah mematuk peha Embong.

Bab 16: Bisa Ular Tedung

- Dahlia memujuk Mawar agar balik ke asrama untuk bersekolah dan mengingatkan Mawar tentang janji Mawar terhadap ibunya untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.
- Dahlia terserempak dengan Kavita dan Cikgu Hisyam yang membawa Siti Wangi ke hospital akibat pengsan semasa latihan bola jaring.
- Cikgu Hisyam bersimpati dengan nasib yang menimpa Dahlia dan meminta Kavita agar membuat fotokopi nota-nota yang tertinggal.
- Dahlia teringat akan pesanan ayahnya semalam yang menyerahkannya wang sebanyak RM60 untuk perbelanjaan di rumah.
- Nek Kiah dan Seman melawat Embong di Wad 4 Lelaki, Hospital Batu Pahat.
- Nek Kiah percaya bahawa rumah Embong berhantu selepas seorang demi seorang ditimpasakit.
- Nek Kiah memberitahu Embong mengenai cadangannya untuk menjual tanah pusaka termasuklah rumah Embong.

Bab 17: Kupertahkan Tanah Sekangkang Kera

- Dahlia menelaah subjek Sejarah di rumahnya sambil teringat akan teman sekelas dan Siti Wangi.
- Dahlia memberitahu Abu Bakar tentang ibu bapa mereka yang kini berada di hospital.
- Dahlia menjumpai dompet Abu Bakar yang mengandungi wang sebanyak RM120.
- Azhari datang ke rumah Dahlia untuk mengambil beberapa helai pakaian emak Dahlia sebelum mereka pulang ke Johor Bahru.
- Azhari terkejut apabila Dahlia memaklumkan bahawa ayahnya menerima rawatan di Hospital Batu Pahat akibat dipatuk ular tedung.
- Nek Kiah memberitahu Dahlia bahawa tanah tapak rumahnya sudah dipersekujuinya untuk dijual.

Bab 18: Budi Tanpa Mengira Warna Kulit

- Dahlia memimpin Anggerik dari rumah hingga pondok bas.
- Tauke Lim bertanyakan Dahlia tentang persetujuannya untuk berpindah dari tapak asal rumahnya ke baruh.
- Tauke Lim ingin membantu Dahlia sekeluarga kerana Dahlia sudah dianggapnya seperti saudaranya sendiri.

- Tauke Lim meminta bantuan Dahlia mengajar anaknya, Ann karangan Bahasa Melayu.

- Perbualan Tauke Lim dan Dahlia dikehujan dengan laungan Kavita yang memanggil nama Dahlia dari dalam kereta Honda Civic yang dipandu oleh Cikgu Hisyam.

Bab 19: Apabila Dua Jejaka Bertemu

- Dahlia teringat akan pujiwan Kavita dan Cikgu Hisyam yang memintanya agar kembali ke sekolah.
- Najib ke rumah Dahlia dan mendapat pekerja sedang mengukur tanah.
- Najib bersedia untuk membantu Dahlia dalam urusan pembelian tanah yang akan dijual oleh Nek Kiah.
- Azhari dan Najib berkenalan antara satu dengan yang lain ketika Azhari berkunjung ke rumah Dahlia.
- Nek Kiah memaki hamun Dahlia dan menuduhnya sebagai perempuan tidak baik.
- Nek Kiah memberikan amaran kepada Dahlia agar segera berpindah.

Bab 20: Ingin Kujunjung Langit

- Embong berhasrat mahu bekerja tetapi badannya masih lemah akibat bisa patukan ular tedung.
- Nek Kiah memarahi Dahlia kerana belum berpindah,
- Embong mengasas parang pendek dan cuba menakut-nakutkan ibu mentuanya itu.
- Embong menegaskan kepentingan pendidikan kepada Dahlia demi masa depan dan untuk mengubah nasib keluarga.
- Embong menegaskan bahawa dia masih kuat untuk menyara keluarganya.
- Tauke Lim datang ke rumah Embong dan berjanji akan menyelesaikan isu tanah yang telah dijual itu.
- Tauke Lim membantu majlis sambutan Maulidur Rasul dengan memberikan sumbangan kepada Imam Deraman.

Bab 21: Hijrah Remaja Harapan

- Dahlia tiba di balai raya Kampung Parit Haji Rais untuk bergotong-royong bagi sambutan Majlis Maulidur Rasul.
- Haji Sulaiman melahirkan kekesalannya terhadap penduduk kampung yang masih kurang datang membantu bagi sambutan majlis itu.
- Aton mempersoalkan status halal barang runcit yang disumbangkan oleh Tauke Lim.
- Haji Sulaiman menempelak Aton yang hanya pandai mengkritik tetapi tidak menghulurkan derma untuk sambutan majlis Maulidur Rasul kali ini.
- Aton menyindir dan memfitnah Dahlia sebagai gadis yang rendah akhlak.
- Abu Bakar yang kebetulan turut berada di situ berasa marah atas tuduhan tersebut dan cuba menyerang Aton.
- Haji Sulaiman berjaya mengawal keadaan yang tegang itu.
- Abu Bakar menjelaskan kepada ayahnya tentang fitnah yang ditaburkan oleh Aton terhadap Dahlia.
- Dahlia mengatakan bahawa dia tabah berdepan dengan semua cacian dan tohmannan penduduk kampung.
- Abu Bakar insaf dan mendedahkan perkara sebenarnya kepada Embong tentang perbuatan jahatnya yang telah mencuri dan menjual kambing milik ayahnya.

Bab 22: Kain Merah yang Reput

- Abu Bakar menanyakan Dahlia sama ada ayahnya memarahinya atas perbuatannya mencuri dan menjual kambing ayahnya itu.
- Abu Bakar teringat akan kata-kata kawan-kawannya yang menempelak dirinya yang asyik menumpang kesenangan dan wang ringgit mereka.

- Abu Bakar sedar akan kesilapannya dan berjanji akan berubah sikap selepas ini.
- Dahlia bertanyakan Abu Bakar dan Melati tentang Nek Kiah kerana pintu rumah neneknya tertutup.
- Abu Bakar menemukan dua biji telur ayam berwarna hitam yang berbau busuk dan mengandungi jarum peniti, cincin akik, dan paku di bawah rumah mereka.
- Abu Bakar mengandaikan bahawa telur itu digunakan oleh seseorang yang berniat untuk memporak-perandakan keluarga mereka.
- Dahlia meminta Abu Bakar membuang telur-telur busuk itu ke dalam sungai.
- Dahlia ke rumah Nek Kiah untuk meninjau sama ada neneknya ada di rumah atau tidak.
- Dahlia teringat akan kisah sembilan tahun lalu sewaktu datuknya masih hidup, dia dan adik-adiknya bebas bermain dan berada di rumah itu.
- Dahlia cuba membantu Nek Kiah yang kurang sihat, sebaliknya Nek Kiah menghalau Dahlia yang dianggap sebagai pembawa sial.

Bab 23: Sinar Kebahagiaan

- Kehadiran Dahlia ke sekolah menyebabkan rakan sekelasnya terkejut tetapi kedatangannya cukup menggembirakan mereka.
- Kavita memberitahu Dahlia bahawa Najib dan keluarganya akan ke rumah Dahlia untuk merisik seterusnya mengikat tali pertunungan.
- Cikgu Hisyam memberikan kata-kata semangat kepada Dahlia dan rakan-rakan sekelasnya agar gigih belajar sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan STPM yang kian hampir.
- Dahlia teringat akan kata-kata Azhari yang ingin meminangnya.
- Dari kejauhan, Dahlia melihat ada sebuah ambulans di halaman rumahnya.
- Dahlia terkejut apabila diberitahu oleh ayahnya bahawa emaknya sudah balik dari Hospital Permai.
- Dahlia masuk ke bilik dan berpelukan dengan emaknya.
- Dahlia berbincang dengan Azhari perihal masa depan hubungan mereka.
- Azhari mengikut Dahlia ke rumah Nek Kiah dan mendapati neneknya sedang terbaring di tilam.

Bab 24: Runtuhnya Tembok Kesombongan

- Di wad wanita, Hospital Batu Pahat, Dahlia sekeluarga bergilir-gilir menjaga neneknya yang menerima rawatan di situ.
- Nek Kiah berasa terharu atas kesungguhan Embong sekeluarga menjaganya ketika dia dirawat di hospital.
- Nek Kiah sedar akan kesilapannya terhadap Embong sekeluarga selama ini.
- Selepas keluar dari hospital, Nek Kiah tinggal di rumah Embong dan dijaga oleh Saleha dan anak-anaknya.
- Hujan lebat sejak sehari sebelum itu telah menyebabkan kawasan rendah di kampung mereka mula dinaiiki air.
- Embong meminta Abu Bakar ke kedai runcit Tauke Lim untuk membeli beras tetapi terpaksa berpatah balik kerana jambatan kayu telah hanyut.
- Abu Bakar memaklumkan kepada ayahnya bahawa banyak orang kampung telah berpindah ke balai raya dan surau akibat banjir.
- Embong sekeluarga dan Nek Kiah berkemas barang-barang penting sebagai langkah persediaan untuk berpindah.
- Air banjir semakin naik hingga menenggelamkan anak-anak tangga rumah Embong.

- Dalam saat-saat kecemasan, Nek Kiah dan Embong sekeluarga telah berjaya diselamatkan dengan bot ke pusat pemindahan banjir di balai raya.
- Haji Sulaiman memberitahu penduduk kampung bahawa banjir tersebut adalah untuk mencuci segala kekotoran yang ada di kampung itu.
- Haji Sulaiman mahu penduduk berbangsa Melayu di kampung itu agar kembali menjadi orang yang berbangsa Melayu sesudah banjir itu berakhir.

Bab 25: Inilah Kampungku!

- Embong memberitahu Dahlia bahawa rumah mereka telah musnah akibat banjir.
- Ahli Parlimen Sri Gading dan wakil peribadi Yang Berhormat, Encik Daim melawat mangsa banjir.
- Encik Daim, iaitu bekas guru Dahlia memuji kegigihannya yang masih bersemangat untuk belajar walaupun berada di pusat pemindahan banjir di balai raya.
- Nek Kiah meminta Embong sekeluarga menetap di rumahnya selepas hujan berhenti.
- Haji Sulaiman membangkitkan isu sikap mementingkan diri dalam kalangan masyarakat kampung sehingga menghakis budaya tolong-menolong.
- Penduduk kampung bergotong-royong membina rumah Embong semula, manakala kaum wanita bekerjasama menyediakan hidangan.
- Haji Sulaiman gembira dengan perubahan sikap penduduk kampungnya yang kembali bersatu dan mengamalkan konsep bantu-membantu.

Bab 26: STPM, akan Kugapai Kecemerlangan

- Saleha meminta Dahlia tekun belajar untuk menghadapi peperiksaan STPM yang bakal tiba.
- Dahlia teringat akan peristiwa dia menemui Cikgu Salwani untuk memohon tinggal di asrama semula.
- Azhari datang dengan ibunya, Cikgu Zalina ke rumah Dahlia untuk menetapkan tarikh pertunungan.
- Embong dan Dahlia bersetuju dengan tarikh pertunungan yang akan diadakan pada 30 Disember.
- Dahlia berjaya mengharungi peperiksaan STPM dengan kertas terakhirnya, iaitu Pengajian Am Kertas 1 pada 13 November setelah tiga minggu berhadapan dengan peperiksaan STPM.
- Dahlia sebak untuk meninggalkan rakan-rakan sekolahnya.
- Dahlia meminta Kavita menyimpan rahsia tentang majlis pertunungannya daripada pengetahuan sesiapa.

Bab 27: Bunga-bunga Kejayaan dalam Genggaman

- Azhari yang berjanji akan membawa Dahlia ke Bandar Penggaram untuk membeli cincin pertunungan mereka masih belum tiba.
- Saleha teringat akan zaman mudanya dahulu. Dia mengambil masa berjam-jam untuk bersiap.
- Dahlia memberitahu emaknya bahawa dia ingin bekerja dahulu sebelum berkahwin.
- Dahlia juga teringat akan kata-kata Azhari yang memberinya kebenaran untuk belajar walaupun mereka sudah bertunang.
- Cikgu Daim memaklumkan kejayaan Dahlia terpilih untuk mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun. Sebelum itu, Dahlia diwajibkan mengikuti kursus bahasa Jepun selama enam bulan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azhari menyatakan kesanggupannya menunggu Dahlia selama empat tahun.
- Cikgu Daim memberitahu Embong tentang berita itu ketika Embong baru tiba ke rumahnya.

Bab 28: Koi-bit

- Suasana di rumah Embong menjadi riuh-rendah ketika anggota keluarga sibuk menyiapkan barang hantaran Dahlia.
- Nek Kiah masuk ke bilik menemui Dahlia lalu menyerahkan seurat gelang pusaka miliknya kepada Dahlia, tetapi ditolak oleh Dahlia.
- Dahlia teringat akan perbualannya dengan Azhari tentang harga cincin pertunangan yang dibeli oleh Azhari.
- Dahlia lebih suka sekiranya Azhari membeli cincin pertunangan yang harganya lebih murah dan baki wang pembelian cincin itu dilaburkan ke dalam Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB).
- Majlis pertunangan diadakan tanpa acara menyarungkan cincin di jari manis Dahlia.
- Dahlia terpaksa bergegas menaiki bas ke Kuala Lumpur.
- Embong pula menasihati Dahlia agar sentiasa ingat akan Tuhan dan patuh pada adat dan budaya orang Melayu walau di mana-mana pun dia berada.
- Haji Sulaiman menghantar Dahlia ke stesen bas dan menyerahkan derma yang berjumlah lima ratus ringgit daripada orang kampung.
- Azhari menemui Dahlia di stesen bas sebelum bas ekspres bertolak ke Kuala Lumpur dan mengucapkan *Koi-bit* kepada Dahlia.
- Dahlia teringat akan Najib berdasarkan sekeping kad yang diterimanya melalui Kavita.
- Azhari menghadiahikan Dahlia sebuah songket merah berbenang emas sebagai simbol bahawa mereka ialah orang Melayu.

Tema

Novel "Songket Berbenang Emas" bertemakan kegigihan seorang gadis dalam menempuh berbagai-bagi cabaran dan dugaan.

Persoalan

- (a) Persoalan kasih sayang anak terhadap ibu kandung.
- (b) Persoalan intergriti dalam menjalankan tanggungjawab.
- (c) Persoalan kepentingan ilmu dalam kehidupan.
- (d) Persoalan tanggungjawab anak sulung terhadap kesihatan dan kesejahteraan ibu bapa.
- (e) Persoalan kebijaksanaan dalam aspek pengurusan masa secara berkualiti.
- (f) Persoalan keberanian menggadaikan nyawa untuk menyelamatkan nyawa orang lain.
- (g) Persoalan kepercayaan karut yang menebal dalam kalangan masyarakat.
- (h) Persoalan pengamalan budaya Melayu dan warisan bangsa.
- (i) Persoalan keinsafan terhadap tindakan yang salah.
- (j) Persoalan ketegasan dalam membuat keputusan.
- (k) Persoalan dendam kesumat yang memusnahkan maruah orang lain.
- (l) Persoalan ketamakan wang ringgit hingga sanggup menzalimi saudara kandung.
- (m) Persoalan keadilan dalam menentukan hukuman.
- (n) Persoalan kepentingan amalan kerjasama dalam kalangan masyarakat kampung.

Watak dan Perwatakan

Dahlia

- (a) Berusia 19 tahun.
- (b) Anak sulung daripada enam orang adik-beradik.
- (c) Murid Tingkatan Enam Atas dan menuntut di Sekolah Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat.

- (d) Berjaya melanjutkan pelajaran dalam Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun.
- (e) Tunang kepada Azhari.
- (f) Berani, cekal, bijaksana, rasional, dan berpendirian tegas.
- (g) Bertanggungjawab dan penyayang.
- (h) Taat akan ibu bapa.
- (i) Mengenang budi.
- (j) Berpandangan jauh, jujur, dan suka berterus terang.
- (k) Baik hati, berhemah tinggi, rajin, dan berdikari.
- (l) Bijak menyimpan rahsia.
- (m) Mengamalkan semangat bermuafakat.
- (o) Berfikiran positif dan optimis.
- (p) Taat akan perintah agama.
- (q) Memiliki sifat setia kawan.

Empong

- (a) Suami kepada Saleha.
- (b) Bapa kepada Dahlia, Abu Bakar, Mawar, Kiambang, Melati, dan Anggerik.
- (c) Berasal dari Melaka dan pernah bekerja di sebuah kilang di Batu Pahat dan akhirnya menetap di Kampung Parit Haji Rais, Batu Pahat, Johor.
- (d) Melakukan kerja-kerja di kampung seperti menoreh getah, membersihkan kebun, dan memetik buah kelapa sawit.
- (e) Kawan baik kepada Tauke Lim.
- (f) Penyayang, sabar, bijaksana dalam pengurusan masa, gigih, rajin, berani, dan tabah.
- (g) Menghormati tetamu.
- (h) Pemaaf/tidak menyimpan dendam.
- (i) Taat akan perintah Allah.
- (j) Bertanggungjawab.
- (k) Bersikap rasional.
- (l) Mengamalkan semangat bermasyarakat.
- (m) Mementingkan pendidikan anak-anak.

Saleha

- (a) Isteri kepada Embong.
- (b) Ibu kepada Dahlia, Abu Bakar, Mawar, Kiambang, Melati, dan Anggerik.
- (c) Anak jati Kampung Parit Haji Rais.
- (d) Anak bongsu Nek Kiah dan adik kepada Seman.
- (e) Mengalami penyakit kemurungan hingga terpaksa menerima rawatan di Hospital Batu Pahat dan Hospital Permai, Johor Bahru.
- (f) Bertanggungjawab, penyayang, dan penyabar.
- (g) Menghormati tetamu.
- (h) Berprasangka baik dan tidak menyimpan dendam.
- (i) Teliti dalam mementingkan penampilan diri.
- (j) Berfikiran positif.
- (k) Menjaga maruah diri.
- (l) Mengutamakan pendidikan anak-anak.
- (m) Mengamalkan semangat bermasyarakat.

Nek Kiah

- (a) Ibu kandung Dahlia.
- (b) Nenek kepada Dahlia, Abu Bakar, Mawar, Kiambang, Melati, dan Anggerik.
- (c) Mengakui kesalahan diri.
- (d) Bersifat penyayang.
- (e) Berdikari.
- (f) Bersikap jujur dan berterus terang.
- (g) Mempercayai kepercayaan karut.
- (h) Mudah menerima hasutan dan pujiyan.
- (i) Berprasangka buruk terhadap darah daging sendiri.
- (j) Pengikut dan mudah berasa takut.

Tauke Lim

- (a) Berbangsa Tionghua.
- (b) Berasal dari Melaka dan menetap di Kampung Parit Haji Rais.
- (c) Bapa kepada Ann yang berumur 15 tahun.
- (d) Bijaksana.
- (e) Murah hati.
- (f) Suka berterus terang.
- (g) Menghormati orang lain walaupun berlainan kaum.
- (h) Peramah/mudah mesra.
- (i) Memiliki semangat setia kawan.

Latar

Latar Tempat

- (a) Rumah Embong.
- (b) Rumah Nek Kiah.
- (c) Hospital Permai, Johor Bahru.
- (d) Hospital Batu Pahat.
- (e) Sekolah Perempuan Temenggung Ibrahim.
- (f) Sekolah Menengah Tun Ismail.
- (g) Sekolah Kebangsaan Jelotong.
- (h) Sekolah Menengah Sains Johor, Kluang, Johor.
- (i) Sungai.
- (j) Kedai Runcit Tauke Lim.
- (k) Kebun sawit di Parit Haji Kadir.
- (l) Bilik warden asrama.
- (m) Sekolah.
- (n) Surau Kampung Parit Haji Rais.
- (o) Masjid Kampung Parit Jelotong.
- (p) Balai raya Kampung Parit Haji Rais.
- (q) Kandang kambing.

Latar Masa

- (a) Tiga bulan sebelum peperiksaan STPM.
- (b) Musim cuti persekolahan.
- (c) Musim hujan.
- (d) Waktu pagi.
- (e) Waktu tengah hari.
- (f) Waktu petang.
- (g) Waktu senja.
- (h) Waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang tekun dan rajin menimba ilmu.
- (b) Masyarakat yang gigih menghadapi cabaran dan dugaan hidup.
- (c) Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesihatan keluarga.
- (d) Masyarakat kampung yang menyara kehidupan dalam bidang pertanian dan kerja-kerja kampung.
- (e) Masyarakat yang tabah menghadapi kegetiran dalam rumah tangga.
- (f) Masyarakat yang berani menggadaikan nyawa untuk menyelamatkan nyawa orang lain.
- (g) Masyarakat yang terlibat dalam gejala negatif.
- (h) Masyarakat yang menghargai budaya dan warisan bangsa.
- (i) Masyarakat yang amanah dalam menjalankan tugas.
- (j) Masyarakat yang suka menabur fitnah dan bercakap bohong.
- (k) Masyarakat yang mempercayai ilmu hitam dan amalan khurafat.
- (l) Masyarakat yang mengamalkan sikap dendam dan iri hati.
- (m) Masyarakat yang insaf dan sedar akan kesilapan.
- (o) Masyarakat yang tegas dalam membuat keputusan.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Dahlia sedang berlatih bola jaring bersama-sama dengan rakan-rakannya di padang sekolah. Tiba-tiba, Dahlia teringat akan emaknya yang sering bercakap sendirian di bawah pokok getah dan merayau tidak tentu arah apabila menjelangnya waktu senja. Azhari menemui Dahlia di kantin sekolah Dahlia untuk bertanyakan kabar dirinya, persediaannya untuk menghadapi peperiksaan STPM dan menyatakan hajatnya untuk membawa keluarganya ke rumah Dahlia.

- (c) **Perkembangan** – Azhari menghantar Dahlia pulang ke rumahnya. Kepulangan Dahlia disambut dengan sapaan dan sindiran daripada jirannya, Aton dan tangisan adik bongsunya, Anggerik yang menangis lantaran keengganannya adiknya minum susu cair yang dibancuh oleh Melati. Seterusnya, Dahlia berusaha untuk memujuk dan membawa emaknya di kebun getah balik ke rumah. Namun begitu, usahanya menemukan kegagalan. Nek Kiah datang ke rumah Dahlia dan meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap Embong yang dikatakan menjadi punca nasib malang yang menimpa anaknya, Saleha sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak. Haji Sulaiman dan tiga orang kakitangan Hospital Batu Pahat datang ke rumah Embong untuk membawa Saleha ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut. Embong meluahkan masalahnya kepada Dahlia tentang kesukarannya untuk melakukan kerja memetik buah kelapa sawit di kebun Haji Sulaiman di kampung sebelah disebabkan tiada orang yang menjaga Anggerik.

- (d) **Perumitan** – Dahlia tiba di Hospital Batu Pahat untuk melawat emaknya yang menerima rawatan di situ, namun Haji Sulaiman memaklumkan bahawa emaknya telah dipindahkan ke Hospital Permai di Johor Bahru, Johor. Dalam suatu kejadian, Dahlia berusaha menyelamatkan Said yang tenggelam di dasar sungai tetapi menemukan kegagalan. Aton memaki hamun dan menuduh Embong sebagai perancang kematian Said dan Dahlia dikatakan sebagai orang yang membunuh anaknya itu. Fitnah tersebut menyebabkan sesetengah penduduk kampung yang tidak tahu akan cerita sebenarnya turut terpengaruhi oleh cerita palsu Aton. Seman pula melemparkan fitnah bahawa Embonglah penyebab Saleha menjadi gila. Selain itu, Seman memujuk dan mencadangkan Nek Kiah agar menjual tanah pusaka seluas lima ekar termasuk tapak rumah Embong. Dahlia terpaksa ponteng sekolah kerana dia perlu menjaga adiknya, Anggerik. Hal ini demikian kerana ayahnya masih dirawat dan ditahan di wad lelaki, Hospital Batu Pahat akibat dipatuk oleh ular tedung. Nek Kiah menuduh Dahlia sebagai perempuan yang tidak baik apabila dia terserempak dengan Najib dan Azhari yang datang ke rumah Dahlia. Akibat dendamnya yang membawa, Aton semakin galak memfitnah Dahlia sebagai perempuan yang rendah akhlak. Sementara itu, Abu Bakar mengakui kesalahannya yang mencuri dan menjual kambing milik ayahnya.

- (e) **Klimaks** – Abu Bakar menemukan dua biji telur ayam berwarna hitam dan berbau bau yang mengandungi pelbagai bahan untuk tujuan sihir dan khianat kepada keluarganya ketika mengemas bawah rumah yang berselerak. Dahlia ke rumah Nek Kiah dan mendapati neneknya terbaring kesakitan. Dahlia cuba membantu neneknya tetapi dihalau dengan alasan tidak mahu rumahnya didatangi sial. Dahlia kembali ke sekolah untuk menghadapi peperiksaan STPM.

(f) **Peleraian** – Sekembali dari sekolah, Dahlia mendapati emaknya telah dibenarkan pulang ke rumah. Kemudian, Dahlia menjenguk Nek Kiah di rumahnya. Dahlia mendapati neneknya itu terbaring kesakitan. Nek Kiah dimasukkan ke wad wanita, Hospital Batu Pahat. Sepanjang tempoh itu, Embong sekeluarga bergilir-gilir menjaga Nek Kiah sehingga menerbitkan rasa insaf dan bersalah Nek Kiah selama ini terhadap Embong sekeluarga. Bencana alam memimpin Kampung Parit Haji Rais. Penduduk terpaksa dipindahkan ke surau dan balai raya kerana kampung mereka dilanda banjir besar. Nek Kiah meminta Embong sekeluarga menetap di rumahnya selepas banjir berakhir kerana rumah Embong telah musnah akibat banjir. Penduduk kampung kembali mengamalkan budaya muafakat apabila kaum lelaki bergotong-ropong membina rumah Embong, manakala kaum wanita bekerjasama menyediakan hidangan. Cikgu Daim datang membawa kabar berita buat Dahlia apabila dia terpilih untuk mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun. Majlis pertunungan antara Dahlia dengan Azhari selamat diadakan pada 30 Disember walaupun tanpa upacara menyarungkan cincin. Azhari menemui Dahlia di stesen bas sebelum bas ekspres bertolak ke Kuala Lumpur dan mengucapkan *Koi-bito* kepada Dahlia. Azhari menghadiahinya Dahlia sehelai songket merah berbenang emas sebagai simbol bahawa mereka ialah orang Melayu yang kaya dengan adat dan budi bahasa.

Teknik Plot

- Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan gelagat pelajar perempuan ketika melihat Dahlia dan Azhari sedang minum di kantin sekolah itu.
- Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Dahlia dengan adiknya, Melati ketika Dahlia meminta Melati ke kedai runcit Tauke Lim untuk membeli susu tepung yang sudah kehabisan dengan cara berhutang.
- Teknik imbas kembali. Contohnya, Embong teringat kembali akan kata-kata Saleha yang memberitahunya tentang bayang-bayang yang mengejarnya dan suara-suara pelik yang mengganggu hidupnya.
- Teknik imbas muka. Contohnya, Dahlia membayangkan wajah emaknya yang seakan-akan menjerit memanggilnya datang menjenguknya di Hospital Permai, Johor Bahru.
- Teknik saspens. Contohnya, peristiwa air banjir yang naik dengan cepat hingga menenggelamkan anak-anak tangga dan mencecah lantai rumah Embong sedangkan bot penyelamat masih belum muncul. Pembaca tertanya-tanya akan nasib Nek Kiah dan Embong sekeluarga sekiranya air banjir menenggelami rumah kayunya itu.
- Teknik kejutan. Contohnya, peristiwa Nek Kiah yang menghadiahinya Dahlia seutas gelang pusaka miliknya pada hari pertunungan Dahlia dengan Azhari. Pembaca tidak menyangka apabila Nek Kiah sanggup menghadiahinya Dahlia dengan hadiah yang begitu berharga.
- Teknik monolog. Contohnya, Embong bermanolog tentang harapannya terhadap kesihatan Saleha yang dirasakan sudah sembuh sepenuhnya dan akan pulang ke pangkuhan keluarga dalam masa terdekat.
- Teknik konflik. Contohnya, konflik antara Embong dengan ibu mentuanya. Konflik ini berlaku apabila ibu mentuanya tidak merestui perkahwinan Saleha dengan Embong. Sementelah, Embong tiada berharta, yatim piatu, dan merupakan anak dagang.

Gaya Bahasa

- Bahasa Arab. Contoh: *Assalamualaikum; Bismillah; Insy-allah; Waalaikumussalam*.
- Bahasa Inggeris. Contoh: *Honda Civic; the best man win!*
- Bahasa Jepun. Contoh: *Koi-bito*.
- Bahasa Jawa. Contoh: *nongkron*.
- Bahasa Indonesia. Contoh: *ongkos*.
- Hiperbola. Contoh: *Kepulan kian menggunakan*.
- Metafora. Contoh: *gunung harapan; kotak fikirannya*.
- Paradoks. Contoh: *Memang hatinya baik tetapi mudah prasangka; Yang cantik di luar, tidak semestinya cantik di dalam*.
- Peribahasa. Contoh: *Sudah terang lagi bersuluh; Biar alah membeli, menang memakai*.
- Personifikasi. Contoh: *Motosikalnya mengaum membela kesunyian pagi; Bahang kepanasan bertakung di pelupuk mata; rumahnya roboh ditelan air*.
- Repetisi. Contoh: *Itulah madu, itulah racun, Said seoranglah; Menerima salah, menolak juga salah*.
- Simile. Contoh: *macam neraka; Bagai hendak tersiasat hatinya; seperti mahu menelan*.

Nilai

- Nilai bertanggungjawab. Contohnya, Cikgu Hisyam bertanggungjawab memberikan pendidikan yang terbaik kepada murid-muridnya.
- Nilai kesabaran. Contohnya, Embong bersabar dengan tuduhan Aton yang menuduhnya sebagai perancang kematian Said ketika dia menziarahi jenazah anaknya itu.
- Nilai ketegasan. Contohnya, Dahlia tegas membuat keputusan untuk keluar dari asrama sekolah bagi memastikan keselamatan dan kesihatan adiknya, Anggerik terjamin.
- Nilai keberanian. Contohnya, Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said.
- Nilai kerajinan. Contohnya, Dahlia rajin mengulang kaji pelajaran walaupun berada di tempat pemindahan bagi mangsa banjir.
- Nilai kegigihan. Contohnya, Embong gigih mencari rezeki dengan menoreh getah dan memetik buah kelapa sawit.
- Nilai kerjasama. Contohnya, penduduk kampung bergotong-ropong menyediakan hidangan bagi sambutan majlis Maulidur Rasul.
- Nilai keinsafan. Contohnya, Abu Bakar menyesal kerana terpengaruh oleh kawan-kawannya sehingga sanggup mencuri kambing milik bapanya.
- Nilai kesyukuran. Contohnya, Embong bersyukur kerana isterinya yang dirawat di Hospital Permai, Johor Bahru akhirnya sembuh.

Pengajaran

- Kita mestilah berfikir secara rasional dalam membuat keputusan.
- Kita perlulah berikhtiar untuk mengurangkan beban atau masalah yang ditanggung.
- Kita harus bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan.
- Kita hendaklah ikhlas dalam menghulurkan bantuan.
- Kita sepatutnya menghargai budaya dan warisan bangsa.
- Kita mestilah bersikap adil sebelum menentukan hukuman.
- Kita janganlah menjadi pendendam sehingga memusnahkan maruah orang lain.

TIRANI (Beb Sabariah)

Edisi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor, dan Negeri Sembilan

Sinopsis

Waheeda berkeinginan tinggi untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya bagi membaiki, memulih, dan menjaga kekemasan diri. Sebagai pengurus Chalet Tajau Emas, Waheeda bertanggungjawab mengurus segala keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh tetamu.

Fadhil, iaitu ayah Waheeda teringat akan bantahannya terhadap hasrat Waheeda untuk melakukan pembedahan kosmetik pada hidungnya kerana bertentangan dengan hukum syarak dan konvensi agama. Kehadiran monyet Belanda yang menyerang secara tiba-tiba di chalet itu mengejutkan Waheeda dan pengunjung yang lain. Waheeda dikehjarkan ke hospital kerana wajahnya telah dicederakan oleh monyet Belanda tersebut.

Waheeda menaiki pesawat ke Singapura untuk menjalani pembedahan mata dan hidungnya. Bazilah, iaitu rakan lama Waheeda menyambut ketibaan Waheeda di rumahnya di Yishun Street. Selepas itu, Waheeda menyerahkan dokumen sejarah kesihatan dan pemeriksaan amnya kepada Dr. Alma Hollis Chen. Ibu Waheeda, Raidah kembali ke Sarawak setelah dia selamat menjalani pembedahan.

Waheeda memilih untuk tinggal lebih lama dan mencari kerja di Singapura kerana kesan pembedahan hidungnya belum stabil. Waheeda bersyukur kerana mendapat tawaran bekerja di Flamingo Resort sebagai Pegawai Perhubungan Awam. Halloway, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Hotel Flamingo de La Rossa mengarahkan Waheeda menyiapkan brosur kempen suku kedua tahun ini dan dia akan mewakili Flamingo dalam Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa di Four Season Hotel. Kehadiran Waheeda di situ menarik minat Zahid. Maka, bermulalah detik-detik percintaan mereka berdua.

Zahid memperkenalkan Waheeda kepada bapanya, Datuk Yasser Arief di Restoran de La Rossa. Waheeda dan Datuk Yasser Arief banyak bercerita tentang perkembangan industri pelancongan di Sarawak. Kemudian, Zahid menghantar rombongan merisik Waheeda. Zahid memujuk Waheeda agar memberikan notis berhenti kerja di Hotel Flamingo de La Rossa. Waheeda enggan berbuat demikian kerana kontraknya yang masih terikat dengan pihak hotel tersebut. Waheeda menghubungi Dr. Rushdi untuk memaklumkan tulang rawan hidungnya yang dirasakan runtuh akibat demam selesema. Dr. Rushdi meminta Waheeda datang ke SMC dengan segera untuk menjalani pembedahan pada bahagian hidungnya.

Setelah gagal menghubungi Waheeda, Zahid tekad untuk ke Singapura. Majlis pertunangan antara Waheeda dengan Zahid dibatalkan dan digantikan dengan majlis pertunangan ringkas antara Ghazi dengan Fatimah. Anati memberitahu Zahid bahawa Waheeda sedang menerima rawatan di Silicon Medical Center (SMC), di Jalan Orchard. Kedatangan Zahid secara mengejut di SMC itu menyebabkan Waheeda terkesima.

Majlis perkahwinan Zahid dan Waheeda berlangsung dengan penuh adat dan budaya Melayu Sarawak. Majlis persandingan kali kedua bagi Waheeda dan Zahid pula diadakan di Hotel Seri Gading. Zahid teringat akan janji temunya dengan Waheeda untuk makan tengah hari di Restoran Seri Gading. Zahid berasa cemburu dan ragu akan kesetiaan Waheeda apabila menemui Waheeda di bilik penginapan Dawood di Chalet Tajau Emas.

Waheeda tidak bersetuju dengan idea bapa mentuanya untuk menggabungkan Hotel Seri Gading dan Chalet Tajau Emas menjadi satu syarikat perniagaan. Disebabkan rasa marah dan cemburu butanya itu, Zahid tidak pulang bermalam di bilik tidurnya. Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan pelanggan lelaki bagi mengelakkan Zahid cemburu dan buruk sangka.

Waheeda selamat melahirkan bayi perempuan dan menerima rawatan di bilik wad eksklusif, Hospital Pakar Normah. Datin Hazirah memberikan alasan bahawa Zahid tidak dapat datang kerana sibuk menguruskan konvensyen antarabangsa di hotelnya. Zahid mempertikaikan status anak kandungnya setelah meneliti ciri-ciri fizikal yang terdapat pada bayi perempuannya itu. Waheeda menyerahkan sampel rambutnya, rambut Zahid, dan rambut anak mereka, Izzati untuk ujian DNA. Waheeda merayu Zahid agar melihat hasil laporan DNA tetapi dipertikaikan oleh Zahid. Zahid menceraikan Waheeda dengan talak satu disebabkan cemburu dan sikap curiganya yang terlampau itu. Kesannya, Waheeda mengalami masalah kemurungan dan migrain meroyan.

Waheeda mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam, Kuala Lumpur. Di pusat rawatan itu, Waheeda terjumpa dengan Lais. Pak cik Lais, iaitu Pak Cik Aziz berhasrat untuk menjual Chalet Iwana-Iwani miliknya yang terletak di Cameron Highlands. Akhirnya, chalet tersebut dibeli oleh Waheeda dan Ghazi. Nama chalet itu ditukarkan kepada Aya-Sajinah. Waheeda cekal membangunkan chalet itu walaupun terpaksa berjauhan dengan Izzati yang bersekolah di Sarawak.

Izzati berbual dengan ibunya, Waheeda. Perbualan mereka berkisarkan kertas laporan DNA, gambar majlis konvoikesennya, dan wajah ibunya yang berbeza dengan wajahnya. Izzati kini membesar sebagai gadis sunti yang bijak, berdikari, serta mampu membantu Lais menyelia Cafe Iwani dan Restoran Iwana. Zahid yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah berehat di Cafe Iwani. Lais dapat mengesah bahawa Zahid ialah bekas suami majikannya, iaitu Waheeda.

Zahid melahirkan kekesalannya terhadap sikapnya yang enggan melihat laporan DNA. Zahid menangis apabila Izzati disahkan anak kandungnya. Waheeda meninggalkan Cafe Iwani apabila dia terpandang akan Zahid yang sedang berbual dengan Lais dan Izzati. Izzati memberitahu ibunya tentang penyesalan Zahid. Perkara itu sukar diterima oleh Waheeda lantaran kekecewaan hatinya akibat tindakan kejam Zahid. Lais cuba menenangkan perasaan Zahid dan Waheeda. Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya.

Inti Pati Bab

Bab 1: Melontar Puing Duka

- Waheeda berkeinginan tinggi untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya untuk membaiki, memulih, dan menjaga kekemasan dirinya.

- Sebagai pengurus Chalet Tajau Emas, Waheeda bertanggungjawab mengurus segala keperluan dan kemudahan tetamu di situ.
- Selaku pemandu pelancong, Fadhil membawa tetamu ke dusun buah-buahannya, ke kolam ikan kap, dan ke Sungai Matang.
- Di kolam ikan kap, pelancong dari Jepun dan keluarga Ma'mun merasai pengalaman diurut kaki oleh ikan kap.
- Di dusun buah-buahan pula, pelancong berpeluang merasai kemanisan buah durian, langsat, dan rambutan.

Bab 2: Dayang Muda

- Waheeda melipatgandakan kerja bagi persiapan menerima kunjungan rombongan istimewa dari Eropah dalam tempoh tiga hari yang berikutnya.
- Waheeda teringat akan ayahnya, Fadhil yang bertugas sebagai pemandu pelancong yang petah bercerita tentang keunikan Sarawak.
- Waheeda bercadang untuk memberikan taklimat kepada ayah dan pengurus penggantinya, Fatimah tentang program sepanjang tahun yang secara tidak rasmi telah dimeterai bersama-sama Datuk Yasser.
- Fadhil teringat akan bantahannya terhadap hasrat Waheeda untuk melakukan pembedahan kosmetik kerana dianggap bertentangan dengan hukum syarak dan konvensi agama.
- Waheeda telah dicederakan oleh monyet Belanda yang menyerangnya secara tiba-tiba.
- Waheeda dikeharkan ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani oleh ibunya, Raidah.
- Dr. Zakaria menjahit luka pada kulit pipi dan hidung Waheeda.

Bab 3: Katarsis

- Ghazi, Raidah, dan Kamri menghantar Waheeda ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching bagi penerbangannya ke Singapura.
- Perjalanan mereka ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching tersebut-sekat kerana Jambatan Tun Abdul Rahman Yakub telah runut akibat dilanggar oleh tongkang pasir.
- Waheeda meneruskan penerbangannya ke Singapura dengan menaiki Pesawat MH237.
- Di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Waheeda memutuskan untuk menaiki teksi ke rumah rakan lamanya, Bazilah di Yishun Street.
- Waheeda mengimbas semula tarikh janji temunya dengan Dr. Alma Hollis Chen yang bertugas di Silicon Medical Center (SMC).

Bab 4: Semarak Api Semarak Hati

- Bazilah berjanji untuk memperkenalkan Waheeda dengan tunangnya, Dr. Zahari, iaitu pakar bedah plastik di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.
- Bazilah membawa Waheeda berjumput dengan Dr. Zahari di sebuah pusat beli-belah.
- Waheeda menyerahkan dokumen sejarah kesihatan dan pemeriksaan amnya kepada Dr. Alma Chen.
- Waheeda memberitahu Bazilah bahawa dia tidak perlu menemaninya ke SMC keesokan harinya.

Bab 5: Doa Selamat

- Waheeda bertekad untuk menjalani sesi pembedahan mata dan hidungnya.
- Waheeda menghantar e-mel kepada abangnya, Ghazi untuk memaklumkan hari dan tempoh pembedahan akan dijalankan.

- Raidah memutuskan untuk ke Singapura bagi menemani Waheeda pada hari pembedahan.
- Raidah meminta Ghazi membeli tiket kapal terbang dan meminta Kamri membeli daun nipah muda untuk dibuat kelongsong ketupat lepas atau ketupat tolak bala.
- Keesokannya, Raidah dan Bazilah menemani Waheeda ke SMC bagi menjalani pembedahan mata dan hidung.

Bab 6: Metamorfosis

- Waheeda mengimbau kembali prosedur pembedahan yang diterangkan oleh Dr. Alma Chen dalam sesi kaunseling tiga hari lepas.
- Pembedahan matanya akan diketuai oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh, pakar bedah mata, manakala pembedahan hidungnya akan diketuai oleh Dr. Averroes.
- Selepas pembedahan, Waheeda diminta memakai cermin mata hitam selama seminggu bagi melindungi matanya yang masih Bengkak.
- Raidah kembali ke Sarawak setelah Waheeda selamat menjalani pembedahan mata dan hidungnya.
- Waheeda teringat akan pakej pelancongan yang ditawarkan oleh Hospital Timberland dengan SMC khas untuk pelanggan yang membayar RM30 ribu ke atas, iaitu penginapan percuma selama tiga hari di Hotel Flamingo de La Rosa di Pulau Sentosa.

Bab 7: Ke Pulau Sentosa

- Waheeda melawat ke tempat-tempat menarik di sekitar Pulau Sentosa bersama-sama dengan rombongan penaja.
- Waheeda seronok berkawan dengan Bazilah dan Dr. Zahari.
- Pada waktu makan malam barbeku, Waheeda dan Dr. Averroes saling mengenali antara satu sama lain.
- Waheeda meluahkan isi hatinya tentang tindakan tekadnya yang melakukan rekonstruksi walaupun perbutannya itu bercanggah dengan hukum agama Islam.
- Waheeda bersyukur kerana dipertemukan dengan orang yang terdiri daripada pelbagai latar kehidupan.
- Waheeda banyak mempelajari cara pengurusan pusat peranginan yang kelasnya berbintang.

Bab 8: Hadiah Alam

- Disebabkan kesan pembedahan hidungnya agak membimbangkan dan belum stabil, Waheeda memilih untuk tinggal lebih lama dan mencari kerja di Singapura.
- Fatimah memaklumkan kepada Waheeda tentang seminar yang diadakan di Chalet Tajau Emas sebelum rombongan MATTA tersebut bertolak ke Bung Bratak.
- Waheeda teringat akan cerita Fatimah yang memberitahunya tentang projek pembinaan hotel Datuk Yasser.
- Waheeda teringat akan kemampuan Chalet Tajau Emas yang dirasakan belum mampu menampung jumlah pelancong ke Sarawak sewaktu Kempen Tahun Melawat Malaysia diadakan pada tahun 2005 hingga tahun 2007.
- Pihak pengurusan Flamingo Resort menghubungi Waheeda untuk temu duga jawatan Pegawai Perhubungan Awam.
- Waheeda gelisah memikirkan dirinya yang terpaksa berpindah ke Flamingo Resort sekiranya dia berjaya dalam temu duga bagi jawatan yang dipohnnya itu.

Bab 9: Wajah Pesona

- Waheeda bersyukur kerana mendapat tawaran bekerja di Flamingo Resort.
- Lais sentiasa memuji kecantikan dan gaya keterampilan Waheeda yang begitu profesional.
- Zahid yang menginap di Hotel Flamingo de La Rossa memerhati gerak-geri Waheeda di kafe di sebelah lobi.

- Bazilah cemburu akan hubungan antara Waheeda dengan Dr. Zahari yang kerap bertandang ke rumahnya.
- Di Hotel Flamingo de La Rossa, Waheeda diminta menyiapkan brosur kempen suku kedua galakan baharu pengunjung ke resort itu.
- Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Hotel Flamingo de La Rossa, Halloway mengarahkan Waheeda menyiapkan brosur kempen suku kedua tahun ini
- Waheeda akan mewakili Flamingo dalam Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa yang akan diadakan di The Four Season Hotel.
- Waheeda dan Zahid berbual-bual untuk lebih mengenali antara satu sama lain.

Bab 10: Menyusun Sepuluh Ela

- Di Restoran de La Rossa, Zahid memperkenalkan Waheeda kepada bapanya, Datuk Yasser Arief.
- Waheeda dan Datuk Yasser Arief banyak bercerita tentang perkembangan industri pelancongan di Sarawak.
- Waheeda membuat persiapan bagi Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa dengan memilih busana Gajoh Oleng yang berkoncepkan pakaian tradisi Melayu Sarawak untuk dipakainya pada malam pertandingan itu.

Bab 11: Orang Rumah Sebelah

- Fatimah menceritakan kisah cinta Waheeda kepada Raidah.
- Anati menceritakan pengalaman manisnya ketika menemani Waheeda yang terlibat dalam Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa di The Four Seasons Hotel. Waheeda telah dinobatkan sebagai juara.
- Waheeda menceritakan kemenangannya itu kepada Bazilah dan hubungannya dengan Zahid.
- Raidah berasa pelik apabila diberitahu bahawa rombongan Datuk Yasser Arief ingin merisik Waheeda pada hari Jumaat depan tanpa kehadiran anak gadisnya itu.
- Waheeda menyatakan persetujuannya terhadap acara merisik daripada keluarga Datuk Yasser Arief.

Bab 12: Bidadari dari Langit

- Zahid memberitahu Waheeda bahawa upacara merisik telah selesai.
- Zahid memujuk Waheeda agar memberikan notis berhenti kerja di Hotel Flamingo de La Rossa.
- Waheeda enggan berbuat demikian atas alasan kontraknya yang masih terikat dengan pihak hotel berkenaan.
- Waheeda menghubungi Dr. Rushdi untuk memaklumkan tulang rawan hidungnya yang dirasakan runtuh akibat demam selesema.
- Dr. Rushdi meminta Waheeda datang ke SMC dengan segera untuk menjalani rawatan.
- Waheeda berharap agar wajahnya pulih sebelum majlis pertunangannya dengan Zahid berlangsung.

Bab 13: Mati Hidup Semula

- Setelah gagal menghubungi Waheeda, Zahid tekad untuk ke Singapura.
- Majlis pertunangan antara Waheeda dengan Zahid dibatalkan dan digantikan dengan majlis pertunangan ringkas antara Ghazi dengan Fatimah.
- Anati memberitahu Zahid bahawa Waheeda sedang menerima rawatan di Silicon Medical Center (SMC), di Jalan Orchard ketika Zahid mendaftar masuk ke Hotel Flamingo de La Rossa.
- Kedatangan Zahid secara mengejut di SMC itu menyebabkan Waheeda terkesima.
- Waheeda lega kerana rahsia kewanitaannya itu tidak dapat dihidu oleh Zahid.

Bab 14: Bagaikan Puteri

- Waheeda meminta Bazilah dan Dr. Zahari datang ke majlis perkahwinannya sambil berbulan madu di Kuching.
- Majlis perkahwinan Zahid dan Waheeda dilangsungkan dengan penuh adat dan budaya Melayu Sarawak.
- Majlis persandingan kali kedua bagi Waheeda dan Zahid pula diadakan di Hotel Seri Gading.

Bab 15: Hidup Ranggi

- Zahid terkenang akan kehidupan lampau semasa berada di Amerika Syarikat.
- Zahid teringat akan peristiwanya bersama dengan Waheeda ketika menghadiri kursus praperkahwinan.
- Waheeda berasa bahagia di samping Zahid.

Bab 16: Mimpi Lain-lain

- Zahid berbincang dengan Waheeda tentang potensi Chalet Tajau Emas dan Hotel Seri Gading dalam industri pelancongan di Sarawak.
- Zahid teringat akan janji temunya dengan Waheeda untuk makan tengah hari di Restoran Seri Gading.
- Zahid berasa cemburu dan ragu akan kesetiaan Waheeda setelah menemui Waheeda di bilik penginapan Dawood di Chalet Tajau Emas.
- Perniagaan dalam bidang kemudahan bilik penginapan semakin berkembang sejak promosi perniagaan Datuk Yasser Arief dengan syarikat milik keluarga Waheeda digabungjalinkan.

Bab 17: Konflik

- Waheeda tidak bersetuju dengan idea bapa mentuanya untuk menggabungkan Hotel Seri Gading dan Chalet Tajau Emas menjadi satu syarikat perniagaan.
- Raidah menyarankan Waheeda agar berehat daripada menguruskan Chalet Tajau Emas kerana dia sedang hamil.
- Zahid mengatakan Waheeda terlalu obsesi terhadap kerjanya sehingga mengabaikannya.
- Zahid tidak pulang bermalam di bilik tidurnya disebabkan rasa marah dan cemburu butanya itu.
- Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan para pelanggan untuk mengelakkan Zahid cemburu dan buruk sangka.

Bab 18: Dilanda Nostalgia

- Waheeda terkenang akan nostalgia dengan Zahid sewaktu mereka mendaki Bukit Matang.
- Kunjungan Halloway dan Dr. Rushdi ke chalet penginapan Waheeda di Matang mencetuskan rasa cemburu Zahid.
- Raidah dapat merasakan sikap Zahid yang semakin menjauhkan diri daripada Waheeda dan keluarganya.
- Nasuha melawat Waheeda dengan ditemani oleh rakan wartawannya dari Bernama, Kuala Lumpur.
- Nasuha bersympati terhadap nasib Waheeda.

Bab 19: Bagaikan Bongkah Batu

- Waheeda selamat melahirkan bayi perempuan dan menerima rawatan di bilik wad eksklusif, Hospital Pakar Normah.
- Datin Hazirah memberikan alasan bahawa Zahid tidak dapat datang kerana sibuk menguruskan konvensyen antarabangsa di hotelnya.
- Waheeda terkilan kerana kad ucapan yang diterimanya itu bukannya daripada Zahid tetapi ditulis sendiri oleh ibu mentuanya.
- Waheeda menyerahkan sampel rambutnya, rambut Zahid, dan rambut anak mereka, Izzati untuk ujian DNA.

- Zahid mempertikaikan status anak kandungnya setelah meneliti ciri-ciri fizikal yang terdapat pada bayi perempuannya itu.
- Waheeda merayu suaminya agar melihat hasil laporan DNA tetapi tindakannya itu dipersoalkan oleh Zahid.
- Zahid menceraikan Waheeda dengan talak satu.
- Waheeda mengalami masalah kemurungan dan mengalami migrain meroyan.

Bab 20: Ke Pusat Rawatan Islam

- Di Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur, Lais telah terjumpa dengan Waheeda.
- Lais membawa pak ciknya, Pak Cik Abdul Aziz bagi menjalani rawatan strok di situ.
- Dr. Qamariah memberikan sesi kaunseling kepada Waheeda.
- Di apartmen keluarga di Bukit Tiara, Ghazi berangan-angan untuk memiliki Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands.
- Ghazi menghubungi Lais untuk mendapatkan kepastian tentang pak ciknya yang ingin menjual Chalet Iwana-Iwani tersebut.
- Lais berjanji akan membawa Waheeda bertemu dengan pak ciknya untuk membincangkan urusan jual beli chalet itu.

Bab 21: Sinar di Hujung Terowong

- Pak Cik Aziz menyatakan hasratnya untuk menjual Chalet Iwana-Iwani miliknya kepada Waheeda dan Ghazi kerana dia sudah tidak berdaya untuk mengusahakan chalet itu.
- Lais membawa Waheeda dan Ghazi ke Cameron Highlands untuk melihat lokasi dan keadaan sebenar Chalet Iwana-Iwani itu.
- Waheeda dan Ghazi bersetuju untuk membeli chalet tersebut.
- Waheeda menukar nama Chalet Iwana-Iwani kepada Aya-Sajinah.
- Waheeda bersyukur kerana Izzati kini membesar sebagai gadis sunti yang bijak, pandai berdikari, serta mampu membantu Lais menyelia Cafe Iwani dan Restoran Iwana.

Bab 22: Bagaikan Air Gunung

- Izzati berbual-bual dengan Waheeda tentang kertas laporan DNA yang sedang diteliti oleh ibunya, gambar majlis konvoikesennya, dan kecantikan rupa paras ibunya yang berbeza dengan wajahnya.
- Waheeda mendapati Izzati merupakan teman kerjanya yang baik dan cekap sementelah Izzati memiliki kelulusan dalam ijazah jurusan pelancongan.
- Lais mendapati keterampilan dan sifat ramah Izzati sama seperti Waheeda.

Bab 23: Sejuk-sejuk Tropika

- Zahid berterima kasih kepada Aiman yang membawanya bercuti di situ sebelum dia pulang ke Kuching, Sarawak.
- Zahid dan Aiman bersembang tentang keanggunan pekerja di chalet itu, kisah rumah tangganya, keinsafan atas kesilapan masa lalunya, dan kemalangan jalan raya yang dialaminya di Los Angeles hingga mendatangkan kecacatan pada kakinya itu.
- Lais dapat mengesan bahawa pemuda yang bernama Zahid itu ialah bekas suami Waheeda.
- Izzati terkejut apabila Zahid memberitahunya bahawa nama anak gadis yang sebaya dengannya ialah Izzati.
- Waheeda bingung apabila Izzati menanyakan jumlah gadis yang dikenalinya yang bernama Izzati.

Bab 24: Kama Hati

- Di bilik penginapan, Zahid menyatakan kekesalannya terhadap sikapnya yang enggan melihat laporan DNA.
- Zahid terkejut apabila terpandang Waheeda dan Izzati semasa dia berada di Restoran Iwana.
- Zahid menangis apabila Izzati disahkan anak kandungnya dan Waheeda ialah insan yang dicarinya selama ini.
- Izzati memberitahu ibunya tentang penyesalan Zahid tetapi perkara itu sukar diterima oleh Waheeda.
- Zahid meluahkan penyesalan atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan Izzati.
- Lais cuba mententeramkan perasaan Zahid dan Waheeda, manakala Izzati memujuk Waheeda agar memaafkan kesalahan Zahid.

Tema

Tema novel "Tirani" ialah kegigihan seorang wanita dalam menempuh berbagai-bagi cabaran dan dugaan dalam kehidupannya.

Persoalan

- (a) Kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandungnya.
- (b) Keberanian mengambil risiko untuk memajukan perniagaan.
- (c) Ketegasan dalam membuat keputusan dan tindakan.
- (d) Kebijaksanaan berikhtiar dalam menyelesaikan masalah.
- (e) Ketabahan menghadapi keruntuhan rumah tangga.
- (f) Kesabaran menghadapi tuduhan yang tidak benar.
- (g) Kepentingan ilmu sebagai cahaya kehidupan.
- (h) Kepentingan menghargai budaya dan warisan bangsa.
- (i) Sifat baik hati terhadap orang lain.
- (j) Penyesalan terhadap kesalahan masa silam.

Watak dan Perwatakan

Waheeda Nurlyana

- (a) Berusia 45 tahun.
- (b) Bekas isteri Zahid.
- (c) Mempunyai anak perempuan bernama Izzati yang berusia hampir 20 tahun.
- (d) Pengusaha Chalet Tajau Emas di Matang, Sarawak.
- (e) Pengurus Chalet Aya-Sajinah di Cameron Highlands, Pahang.
- (f) Berkelulusan ijazah sarjana muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan Pelancongan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.
- (g) Cantik, anggun, dan berperawakan menarik.
- (h) Berketinggian lima kaki lima inci sehingga berjaya menjuarai Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa yang diadakan di The Four Seasons Hotel.
- (i) Bijaksana, cekal, dan tabah.
- (j) Pekerja yang bertanggungjawab.

Zahid

- (a) Nama sebenar Zahid ialah Zahid bin Datuk Yasser Arief.
- (b) Bekas suami Waheeda.
- (c) Bapa kepada Izzati.
- (d) Peguam yang berkelulusan Sarjana Undang-undang dari Universiti di Amerika Syarikat.
- (e) Mementingkan penampilan diri.
- (f) Cemburu buta dan panas baran.
- (g) Gigih dan berani
- (h) Menepati janji.
- (i) Pandai berdikari.
- (j) Suka berterus terang dan jujur.
- (k) Sedar akan kesilapannya.

Raidah

- (a) Isteri kepada Fadhil.
- (b) Ibu kepada dua orang anaknya, iaitu Ghazi dan Waheeda Nurlyana.
- (c) Berbangsa Melayu Sarawak dan berfikiran agak konservatif.
- (d) Pengurus dapur di Chalet Tajau Emas dan pandai memasak.
- (e) Patuh akan arahan suami.
- (f) Baik hati dan bertanggungjawab.
- (g) Bersifat penyayang.
- (h) Mudah bersimpati/belas kasihan.
- (i) Menghormati tetamu.
- (j) Berprasangka baik dan tidak menyimpan dendam.

Bazilah

- (a) Isteri kepada Dr. Zahari.
- (b) Kawan baik kepada Waheeda Nurlyana.
- (c) Memiliki kelulusan ijazah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.
- (d) Bijaksana.
- (e) Mengamalkan sikap setia kawan.
- (f) Mudah bersimpati/belas kasihan.
- (g) Rajin membaca bahan bacaan.
- (h) Bersifat penyayang, jujur, dan berterus terang.
- (i) Cepat cemburu.
- (j) Suka memendam perasaan.

Izzati

- (a) Anak perempuan tunggal Waheeda dan Zahid.
- (b) Berumur hampir 20 tahun.
- (c) Berkelulusan ijazah sarjana muda dalam Jurusan Pelancongan.
- (d) Pintar.
- (e) Bersifat penyayang.
- (f) Rajin mengulang kaji pelajaran sehingga dia menjadi pelajar cemerlang di sekolah dan di universiti.
- (g) Jujur dan peramah/mudah mesra.
- (h) Tidak menyimpan dendam.

Latar

Latar Tempat

- (a) Rumah Fadhil.
- (b) Rumah Bazilah, di Yishun Street.
- (c) Rumah Haji Abdul Aziz Imran, Damansara Heights.
- (d) Hospital Kuching.
- (e) Silicon Medical Center (SMC) di Singapura.
- (f) Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur.
- (g) Chalet Tajau Emas.
- (h) Hotel Flamingo de La Rossa/Flamingo resort.
- (i) Chalet Iwana-Iwani, Cameron Highlands.
- (j) Restoran Iwana.

Latar Masa

- (a) Waktu siang.
- (b) Waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang dalam kehidupan.
- (b) Masyarakat yang tekun dan rajin menimba ilmu.
- (c) Masyarakat yang gigih menghadapi cabaran dan dugaan hidup.
- (d) Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesihatan keluarga.
- (e) Masyarakat yang menceburi kegiatan ekonomi berdasarkan pelancongan negara.
- (f) Masyarakat yang berkhidmat dalam bidang perubatan dan kesihatan.

- (g) Masyarakat yang tabah menghadapi keruntuhan rumah tangga.
- (h) Masyarakat yang berdedikasi dalam menjalankan tugas.
- (i) Masyarakat yang sabar menghadapi tuduhan yang tidak benar.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Waheeda melayari laman sesawang tentang pembedahan plastik. Waheeda ingin melakukan pembedahan plastik pada wajahnya untuk membaiki, memulih, serta menjaga kekemasan diri.
- (c) **Perkembangan** – Waheeda telah dicederakan oleh seekor monyet Belanda yang menyerang secara tiba-tiba di Chalet Tajau Emas. Waheeda dikejarkan ke hospital oleh ayahnya, Fadhil sambil ditemani oleh ibunya, Raidah. Waheeda menaiki pesawat ke Singapura untuk bertemu dengan Dr. Alma Hollis Chen yang bertugas di Silicon Medical Center (SMC) yang akan menguruskan proses pembedahan mata dan hidungnya. Waheeda menjalani pembedahan pada kelopak matanya. Pembedahan mata itu dijalankan oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh, manakala pembedahan hidungnya dijalankan oleh Dr. Aveeros atau Dr. Rushdi. Kemudian, Waheeda mendapat tawaran bekerja di Flamingo de La Rossa sebagai Pegawai Perhubungan Awam. Waheeda berkenalan untuk pertama kali dengan Zahid di hotel tersebut.
- (d) **Perumitan** – Dr. Rushdi meminta Waheeda datang ke SMC untuk melakukan pembedahan hidungnya semula. Waheeda berharap agar wajahnya pulih sebelum dia pulang ke Kuching untuk majlis pertunangannya dengan Zahid. Majlis pertunangan antara Waheeda dengan Zahid dibatalkan dan digantikan dengan majlis pertunangan ringkas antara Ghazi dengan Fatimah. Selepas itu, majlis perkahwinan Waheeda dan Zahid diadakan dengan penuh adat dan budaya Melayu Sarawak. Zahid mencari Waheeda selepas isterinya itu tidak muncul di Restoran Seri Gading untuk makan tengah hari. Zahid menemui Waheeda di sebuah bilik penginapan penghuninya di Chalet Tajau Emas. Zahid berasa cemburu dan salah sangka atas kesetiaan Waheeda itu. Waheeda selamat melahirkan bayi perempuan di bilik wad eksklusif, Hospital Pakar Normah. Namun begitu, Zahid tidak datang menjenguk bayinya. Waheeda merayu agar Zahid melihat hasil laporan DNA apabila suaminya, Zahid mempertikaikan status Izzati sebagai anak kandungnya.
- (e) **Klimaks** – Zahid tekad menceraikan Waheeda dengan talak satu disebabkan sifat cemburu dan curiganya yang terlampaui itu. Waheeda mengalami masalah kemurungan dan migrain meroyan akibat tindakan Zahid yang kejam kerana dia terlalu mencintai suaminya itu.
- (f) **Peleraian** – Ghazi dan Raidah menemani Waheeda untuk mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur. Waheeda dan Ghazi membeli Chalet Iwana-Iwani milik pak cik Lais, iaitu Pak Cik Abdul Aziz di Cameron Highlands. Nama chalet itu ditukarkan kepada Aya-Sajinah. Zahid dan Aiman pula ketubuhan menginap di Chalet Aya-Sajinah. Zahid menangis apabila Izzati disahkan anak kandungnya dan Waheeda merupakan insan yang dicarinya selama ini. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan Izzati. Lais cuba menenangkan perasaan Zahid dan Waheeda. Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan Zahid.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerianya. Contohnya, pengarang memerihalkan upacara menyarungkan cincin perkahwinan pengantin lelaki di jari pengantin perempuan.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, dialog Raidah dengan Kamri ketika Raidah memintanya membeli daun nipah muda untuk dibuat kelongsong ketupat lepas.
- (c) Teknik imbas kembali. Contohnya, Waheeda terkenang akan kata-kata semangat ayahnya semasa dia dan Ghazi dalam perjalanan pulang dari banglo mewah Pak Cik Aziz.
- (d) Teknik imbas muka. Contohnya, Waheeda membayangkan suasana mesra yang wujud ketika kakitangan di Chalet Tajau Emas belajar menganyam kelongsong ketupat lepas daripada ibunya ketika dia membaca e-mel yang dihantar oleh Fatimah.
- (e) Teknik saspens. Contohnya, peristiwa monyet Belanda yang menyerang orang ramai di Chalet Tajau Emas. Suasana menjadi kelam-kabut apabila penghuni dan pekerja-pekerja bertempiaran menyelamatkan diri untuk mengelakkan daripada digigit oleh monyet Belanda itu.
- (f) Teknik monolog/monolog dalaman. Contohnya, Waheeda bermonolog ketika teruja dan seronok untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya.
- (g) Teknik konflik. Contohnya, konflik antara Waheeda dengan bapanya, Fadhil. Konflik ini tercusus apabila bapanya secara tegas tidak mengizinkan Waheeda menjalani pembedahan kosmetik kerana bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *Assalamualaikum; Al-Fatihah; Subhanallah*.
- (b) Bahasa Inggeris. Contoh: *Shopping Mall; Weeping willow; Gentleman; Business*.
- (c) Dialek Melayu Sarawak. Contoh: *kerisit kerumun; Mereya; jembuk; nasi temuan*.
- (d) Hiperbola. Contoh: *Kesan ubat penahan sakit yang meloyakan merobek-robek dadanya; sebelum matahari menyerang bumi dengan kenyitan sinarnya yang tiada tara mesranya itu*.
- (e) Inversi. Contohnya, *Ini rezeki datang bergolek tau* (Sepatutnya: *Rezeki ini datang bergolek tau*).
- (f) Metafora: *jambatan udara; rantai konvensional; terowong minda; wajah bulan*.
- (g) Paradoks. Contoh: *Walaupun miskin harta tetapi orang Melayu memang kaya ketawa; Waheeda cuba mengekel walaupun hati dijentik kesedihan oleh kejauhan yang memaksa*.
- (h) Perlambangan. Contohnya, *Wanita ialah tiang negara. Jika ia baik maka baiklah negara itu, jika ia rosak, maka rosaklah negara itu*. **Tiang negara** merupakan kata perlambangan yang merujuk kepada sumber kekuatan.
- (i) Personifikasi. Contoh: *Rasa kesal mulai mengasak benak; Ciuman ibu berdecit singgah di pipi*.
- (j) Peribahasa. Contoh: *ada udang di sebalik batu; mengangkat bakul sendiri*.
- (k) Repetisi. Contoh: *Kemudian tujuh helai kain, tujuh helai benang, tujuh jenis bunga, tujuh biji ketupat dan tujuh hari tujuh malam*.
- (l) Simile. Contoh: *macam pelesit; bagaikan bunga cina kembang pagi; seperti mumia Mesir kuno yang sedang berada di perbarisan untuk pameran*.

Nilai

- (a) Nilai kasih sayang. Contohnya, Fadhil dan Raidah sangat menyayangi anak-anak mereka, iaitu Ghazi dan Waheeda.

- (b) Nilai tanggungjawab. Contohnya, Fadhil membawa anaknya, Waheeda yang mengalami kecederaan yang teruk angka diserang monyet Belanda secara tiba-tiba ke hospital.
- (c) Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Waheeda bijak mengambil peluang meneroka pengalaman berkhidmat dalam bidang perhotelan di Hotel Flamingo de La Rossa, Singapura sebelum kembali mengusahakan chalet milik keluarganya di Matang.
- (d) Nilai belas kasihan. Contohnya, Ghazi bersympati dengan nasib Waheeda yang mengalami krisis rumah tangga.
- (e) Nilai kesabaran. Contohnya, Waheeda sabar menangani sifat cemburu buta dan panas baran Zahid yang menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain.
- (f) Nilai keberanian. Contohnya, Waheeda berani menanggung risiko dengan membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, iaitu Pak Cik Abdul Aziz Imran.
- (g) Nilai baik hati. Contohnya, Bazilah membenarkan Waheeda menetap di rumahnya di Yishun Street sepanjang tempoh Waheeda menjalani rawatan muka dan hidungnya di Silicon Medical Center, Singapura.
- (h) Nilai kerajinan. Contohnya, Waheeda rajin mengulang kaji pelajaran hingga berjaya menamatkan pengajiannya di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai serta memperoleh ijazah pengurusan perniagaan dan pelancongan.
- (i) Nilai kegigihan. Contohnya, Waheeda gigih mengusahakan Chalet Tajau Emas dan Chalet Aya-Sajinah bersama-sama dengan keluarga dan pekerja-pekerjanya.
- (j) Nilai kerjasama. Contohnya, masyarakat Kampung Matang bekerjasama dalam mengurus majlis perkahwinan Zahid dengan Waheeda.
- (k) Nilai rasional. Contohnya, Ketua Pegawai Eksekutif Hotel Flamingo, iaitu Holloway memilih Waheeda untuk mewakili Hotel The Flamingo de La Rossa dalam Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa disebabkan rupa parashnya yang jelita, anggun, berketerampilan, dan berketinggian lima kaki lima.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mengamalkan kasih sayang untuk mempererat hubungan antara anggota keluarga.
- (b) Kita hendaklah bersikap jujur dan sanggup berterus terang untuk menyelesaikan masalah.
- (c) Kita mestilah sabar menghadapi cabaran dan dugaan hidup.
- (d) Kita mestilah gigih dalam mengusahakan perniagaan.
- (e) Kita mestilah berfikir secara rasional dalam membuat sebarang tindakan atau keputusan.
- (f) Kita mestilah berani membuat keputusan demi kesenangan pada masa depan.
- (g) Kita perlulah bijak berikhtiar untuk menangani masalah.
- (h) Kita sepautnya bersikap baik hati terhadap orang lain.
- (i) Kita perlu bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan.
- (j) Kita wajar menghormati dan melayani tetamu dengan baik dan sopan.
- (k) Kita hendaklah rajin menelaah pelajaran demi kejayaan masa depan.
- (l) Kita haruslah taat akan suruhan orang tua.
- (m) Kita hendaklah mengakui kesalahan diri.
- (n) Kita hendaklah tegas dalam membuat sesuatu keputusan.

Sinopsis

Nurul Hafsa memulakan hari pertama bekerja di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Dia menerima kunjungan rombongan murid-murid dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima yang ingin mencerap bintang-bintang di Kuala Selangor. Malangnya, hasrat mereka tidak tercapai akibat langit terlalu cerah pada malam itu. Rombongan tersebut juga tidak dapat melihat kelip-kelip di Kampung Kuantan. Puncanya, kelip-kelip terkeliru dengan pantulan cahaya dari kawasan sekitar.

Kegagalan tersebut membuatkan Nurul Hafsa ingin menjadikan kawasan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap. Tujuannya agar lampu-lampu di Kuala Selangor menggunakan gelombang yang rendah. Dengan ini, pantulan cahaya ke langit akan berkurang. Hasrat Nurul Hafsa itu disokong oleh Muhammad Taufik yang turut sama ingin menjayakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor. Hasil pengaruh bapa Muhammad Taufik, iaitu Tan Sri Muhammin, mereka berjaya membuat pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap kepada Pegawai Daerah, iaitu Dato Haji Mustofa al-Hamidi. Walau bagaimanapun, projek berkenaan mendapat tantangan daripada musuh perniagaan bapa Muhammad Taufik, iaitu Dato' Johann Arlington-Majid. Permusuhan antara Dato Johann dengan Tan Sri Muhammin bukan sahaja dalam perniagaan, bahkan juga bermula sejak bekas isteri Tan Sri Muhammin, iaitu Wickham yang berbangsa Kaukasia memilih Tan Sri Muhammin sebagai pasangan hidupnya.

Menteri Besar telah mengadakan satu majlis terbuka di dalam Dewan Kuliah 1 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam untuk mendengar pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap daripada Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Dato Johann Arlington-Majid turut hadir dalam majlis tersebut. Beliau telah mengemukakan pelbagai soalan semata-mata untuk mempengaruhi Menteri Besar agar membatakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap. Namun begitu, semua soalan Dato Johann Arlington-Majid dijawab dengan tuntasnya oleh Nurul Hafsa.

Sempena projek Kawasan Simpan Langit Gelap ingin diwartakan, satu tender pembekalan lampu *full cut off* akan dikeluarkan. Dato' Johann Arlington-Majid bertambah marah kerana lampu-lampu itu tidak dapat dibekalkan oleh syarikat beliau. Lantaran itu, Dato' Johann Arlington-Majid merancang perkara yang buruk terhadap Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa supaya Menteri Besar membatalkan projek tersebut.

Muhammad Taufik telah diserang ketika balik dari masjid. Muhamad Taufik dijumpai berlumuran darah oleh Budiman dan Nurul Hafsa. Selepas menerima rawatan di hospital, Muhammad Taufik diminta mengikut ibunya pulang ke Otago, New Zealand. Sewaktu bersiap-siap untuk keluar dari hospital, Muhammad Taufik menerima jambangan bunga yang dibungkus dengan kain hitam berhias manik-manik kristal milik Nurul Hafsa. Secebis kertas terjatuh ketika dia meleeraikan kain itu. Kertas itu tercatat kata-kata, Jumaat 8:30 pagi, stesen minyak PETRONAS, van putih, seorang diri. Oleh hal yang demikian, sewaktu dalam perjalanan ke

lapangan terbang, Muhammad Taufik meminta pemandu Tan Sri Muhammin berhenti di stesen minyak PETRONAS. Alasannya, dia hendak ke tandas. Muhammad Taufik telah diculik dan dibawa ke sebuah rumah di kebun kelapa sawit. Di situah juga Nurul Hafsa ditempatkan. Dia diculik sewaktu balik dari mencerap kelip-kelip dengan Budiman.

Berita penculikan Muhammad Taufik telah menjadi berita hangat. Pihak polis menjalankan siasatan dan berusaha menjejaki penjenayah. Sementara itu, Nurul Hafsa telah dilepaskan oleh penculik di satu kawasan estet. Nurul Hafsa membuat laporan penculikannya dan Muhammad Taufik di balai polis dengan bantuan pemandu van.

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan, pihak polis berjaya mengesahkan sebuah rumah di kawasan peladangan di Bestari Jaya. Sepasukan Pasukan Gerak Khas telah dikerahkan untuk memberkas penjenayah sekali gus menyelamatkan Muhammad Taufik.

Selepas peristiwa tersebut, hubungan Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa semakin rapat. Ibu bapa Muhammad Taufik pula mengambil keputusan untuk bernikah semula. Sewaktu mengemas dulang-dulang yang digunakan itu, Muhammad Taufik melahirkan hasratnya untuk meminang Nurul Hafsa. Senyuman terukir pada wajah Nurul Hafsa apabila membaca satu mesej teks yang baru diterima menerusi telefon bimbitnya. Mesej tersebut berbunyi, "Kita ialah dua ekor kelip-kelip yang terakhir di dunia".

Inti Pati Bab**Bab 1: Janji Srikandi**

- Kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima duduk di kerusi di atas platform melengkung dan mengelilingi kubah balai cerap di lereng konkrit Bukit Melawati, Kuala Selangor untuk mencerap bintang.
- Pada malam itu, mereka tidak dapat melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar, sebaliknya, mereka hanya dapat melihat bintang Betelgeuse dan Alnitak.
- Nurul Hafsa yang memulakan hari pertama bekerja di Balai Cerap Sultan Salahuddin berasa tidak keruan.
- Mereka bersoal jawab tentang nama-nama bintang yang terdapat dalam buruj Orion dan nama Orion yang berasal daripada legenda Greek.
- Nurul Hafsa memberi penerangan tentang soalan yang ditanya oleh Hotaru. Menurutnya, dalam tamadun Islam, ilmu falak terpisah daripada tanggapan dan emosi manusia dan tertakluk di bawah undang-undang keesaan dan kekuasaan Tuhan.
- Nurul Hafsa terpaksa mengakui kegagalan pencerapan buruj Orion pada malam itu adalah disebabkan langit di Kuala Selangor terlalu cerah akibat pencemaran cahaya.
- Nurul Hafsa merasakan bahawa dia mempunyai tanggungjawab yang lebih penting supaya bintang-bintang di langit dapat dilihat dengan mata kasar.
- Nurul Hafsa turut menjawab pertanyaan Puan Wickham, iaitu cara manusia dapat menggerakkan bintang agar dapat kembali ke Kuala Selangor semula.
- Nurul Hafsa menjelaskan bahawa bintang-bintang memang sedia ada di langit. Sebaliknya, Tuhan mencipta deria manusia dengan penuh keterhadan agar manusia tidak leka dengan apa-apa yang dapat dilihat oleh deria.
- Puan Wickham menyatakan bahawa Nurul Hafsa bijak orangnya dan mengucapkan selamat maju jaya.

Bab 2: Wickham

- Tanpa disedari oleh Nurul Hafsa, Muhammad Taufik memerhati caranya menghadapi serangan kumpulan pemerhati bintang cilik dan pengiring mereka yang gagal mencerap buruj Orion.
- Muhammad Taufik melihat Nurul Hafsa berlagak sebagai srikandi apabila berhadapan dengan soalan-soalan ibunya, Puan Wickham.
- Muhammad Taufik berpendapat, jika benar Nurul Hafsa ingin mengotakkan janjinya, Nurul Hafsa mesti bersedia hidup sebagai pejuang.
- Sebaliknya, jika Nurul Hafsa sekadar ingin menyedapkan hati dengan tidak mahu berbuat apa-apa, bermakna Nurul Hafsa akan menghadapi masalah kerana rombongan itu akan datang kembali.
- Muhammad Taufik bertanyakan khabar Puan Wickham, manakala Puan Wickham pula bertanya tentang projek Ikhtiar Teknoalam.
- Pada malam itu, Puan Wickham bermalam di rumah Muhammad Taufik yang berkonsepkan mesra alam.

Bab 3: Sungai Rahsia

- Nurul Hafsa dan ayahnya, Haji Yassir ke Kampung Kuantan untuk memastikan kebenaran dakwaan Utada tentang kelip-kelip di Kampung Kuantan.
- Ketika menaiki bot, Nurul Hafsa berimajinasi bahawa dia dapat melihat berjuta-juta ekor kelip-kelip terbang.
- Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat keridipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.
- Pengemudi bot, iaitu Basiron membawa Nurul Hafsa mendekati mulut anak sungai.
- Orang ramai dilarang menyusuri sungai tersebut.
- Haji Yassir memberitahu Nurul Hafsa bahawa tanah di kawasan sungai seluas lima puluh hektar, dari Kampung Kuantan ke Kampung Api-api telah dibeli orang.
- Sepanjang perjalanan pulang, Nurul Hafsa hanya melayan perasaannya sambil memikirkan sudut hujahan yang bakal dibentangkan dalam satu persidangan kemuncak fantasi.
- Kuala Selangor kini telah berkembang menjadi bandar pelancongan yang pesat dan terdedah pada pencemaran cahaya.
- Haji Yassir menjelaskan sebab dia memasang lampu tuju di setiap penjuru, iaitu untuk menyukarkan pencuri mencuri barang-barangnya yang diletakkan di bawah rumah.
- Nurul Hafsa berniat untuk membina setor penyimpanan peralatan berkebun apabila dia mendapat gaji kelak.

Bab 4: Budiman

- Budiman, iaitu abang Hafsa pulang dari perkhemahan di Taman Rimba Templer.
- Nurul Hafsa memberitahu Budiman bahawa hari pertamanya bekerja di Balai Cerap Sultan Salahuddin amat teruk.
- Nurul Hafsa meminta abangnya membaca laporan tentang kecerahan langit di Kuala Selangor berdasarkan Skala Langit Gelap Bortler.
- Nurul Hafsa kecewa dengan perubahan yang berlaku di Kuala Selangor selepas beliau meninggalkan Kuala Selangor sedangkan Kuala Selangor ialah kawasan tradisi pencerapan langit.
- Nurul Hafsa berpendapat bahawa pembangunan di Kuala Selangor yang tidak dirancang dengan teliti akan membawa kesan buruk terhadap alam sekitar.
- Kata-kata Budiman itu cukup menggembirakan Nurul Hafsa kerana dia tidak keseorangan untuk membawa kembali bintang-bintang ke Kuala Selangor.

Bab 5: Jiwa Ayahanda

- Tan Sri Muhammin kembali dari Jakarta.
- Beliau memandu keretanya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- Pesanan ringkas yang diterima daripada Muhammad Taufik menyebabkan Tan Sri Muhammin terkenang kembali perbualannya dengan bekas isterinya, Puan Wickham 15 tahun dahulu.
- Beliau marah kerana isterinya melebihkan perjuangan alam sekitar daripada anaknya.
- Tan Sri Muhammin terpaksa menerima hakikat bahawa isterinya pengembara dunia yang inginkan kebebasan.

Bab 6: Cita-cita

- Seminggu yang lalu, Nurul Hafsa telah menghantar laporan tentang tahap kecerahan langit Kuala Selangor ke pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor.
- Isu tahap kecerahan langit Kuala Selangor itu dikemukakan kepada pegawai atasannya, iaitu Puan Foziah.
- Puan Foziah menasihati Nurul Hafsa agar tidak mengharapkan sebarang tindakan kerana pembangunan di Kuala Selangor tidak melanggar undang-undang alam sekitar.
- Nurul Hafsa tidak dapat melupakan janjinya kepada 15 orang budak kecil yang mengembara beribu-ribu batu ke Kuala Selangor semata-mata untuk melihat bintang.
- Nurul Hafsa juga tidak dapat membayangkan kehidupannya pada tahun-tahun akan datang sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin.
- Nurul Hafsa tidak mahu makan gaji buta sambil menunggu ketibaan Ramadan, Syawal, dan Zulhijah untuk mengambil foto beberapa orang lelaki menggunakan teleskop.
- Nurul Hafsa bertanggungjawab mengurus tadbir dan menyelia segala urusan yang berkaitan dengan pentadbiran Balai Cerap Salahuddin termasuklah merancang serta melaksanakan program penyelidikan astronomi sains angkasa secara rutin.
- Nurul Hafsa juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti falak seperti mengesan arah kiblat, cerapan hilal rasmi, dan bulanan.
- Budiman ingin membawa Nurul Hafsa bertemu dengan lelaki kelip-kelip yang disalah sangka oleh Nurul Hafsa sebagai seorang yang jahat.
- Budiman mencadangkan Nurul Hafsa berjumpa dengan lelaki kelip-kelip itu terlebih dahulu dan menyediakan cara melaksanakan rancangannya.

Bab 7: Lelaki Kelip-kelip

- Budiman memperkenalkan Nurul Hafsa kepada lelaki kelip-kelip, iaitu Muhammad Taufik.
- Nurul Hafsa teringat bahawa Muhammad Taufik ialah kawan baik Budiman ketika di sekolah rendah dahulu.
- Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik pula pernah bersekolah di sekolah yang sama, iaitu di Sekolah Kebangsaan Tanjong Keramat.
- Muhammad Taufik menjelaskan bahawa dialah yang meminta bapanya membeli tanah yang menyusuri tepi sungai di Kampung Kuantan ke Kampung Api-api itu.
- Tujuannya adalah untuk memastikan kelip-kelip mempunyai tempat untuk bersembunyi, selain memulihkan populasi kelip-kelip.
- Kemarahan Nurul Hafsa terhadap Muhammad Taufik reda apabila mengetahui rahsia di sebalik tindakan Muhammad Taufik memagar mulut anak sungai.

Bab 8: Bebas Grid

- Untuk mewujudkan keserasian komunikasi antara Nurul Hafsa dengan Muhammad Taufik, Budiman mencadangkan Nurul Hafsa menunjukkan projeknya kepada Muhammad Taufik.
- Nurul Hafsa yang pada awalnya bersikap prejudis, kini membuat pengamatan ke atas rumah tradisional Muhammad Taufik yang mempunyai ciri-ciri berteknologi tinggi.
- Muhammad Taufik ingin menyampaikan mesej dan menanam kesedaran kepada manusia supaya kembali bergantung pada alam semula jadi secara terus.
- Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik berbual-bual tentang jejak karbon yang dicipta oleh industrialis Barat untuk menakut-nakutkan dunia agar lumpuh dalam ketakutan dan kemalasan apabila melihat angka dan peratusan.
- Nurul Hafsa menyatakan hasratnya datang ke situ adalah untuk meminta bantuan Muhammad Taufik membawa kembali kegelapan ke Kuala Selangor.

Bab 9: Zuriat

- Muhammad Taufik menghantar mesej kepada bapanya yang berada di majlis perasmian projek pembinaan taman di tengah kota berinspirasikan bentuk dan konsep taman syurga dari Timur Tengah.
- Muhammad Taufik ingin mengetahui sama ada bapanya akan menyokong rancangannya untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap secara industri atau sebaliknya.
- Muhammad Taufik juga memberitahu bapanya bahawa rancangannya itu adalah untuk kaji bintang amatir dan profesional dan untuk menghalang kepupusan spesies kelip-kelip.
- Apabila diajukan soalan tentang keperluan rancangan itu secara industri, Muhammad Taufik menjelaskan bahawa rancangannya itu memerlukan penstrukturkan semula pelan pencahayaan di Taman Bandar Raya Hijau Kuala Lumpur yang seterusnya akan diguna pakai di Kuala Selangor.
- Sebelum Tan Sri Muhamimin dapat memberikan respons, Muhammad Taufik memberi penerangan tentang lampu dengan pengesan pergerakan, iaitu lampu yang mesra kegelapan.
- Akhirnya, Tan Sri Muhamimin bersetuju selepas diberitahu bahawa projek itu akan jatuh ke tangannya dan meletakkan beliau terkedepan dengan pesaing-pesaingnya.
- Tan Sri Muhamimin disapa oleh Tan Sri Yahya di lobi.
- Kini, Tan Sri Muhamimin baru sedar bahawa Muhammad Taufik ialah gabungan ciri-ciri terbaik dua orang manusia bernama Muhamimin dan Maryam.

Bab 10: Sidang Sejuta Kelip-kelip

- Sebelum ini, Muhammad Taufik telah berkenalan dengan beberapa gadis yang ingin mengambil kesempatan atas dirinya walhal dia bukan kaki perempuan.
- Kini, Muhammad Taufik berhadapan pula dengan seorang gadis yang begitu berterus terang.
- Nurul Hafsa menyatakan bahawa dia datang kepada Muhammad Taufik kerana keistimewaan yang ada padanya.
- Nurul Hafsa memakai selendang hitam berhiaskan manik dan disematkan kerongsang sebutir mutiara sebesar duit syiling 20 sen.
- Nurul Hafsa menerangkan objektif projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor.
- Menurut Nurul Hafsa, jika mereka tidak mewartakan secara rasmi sesuatu kawasan sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap, mereka tidak akan ada sebarang peruntukan dari segi undang-undang untuk mengelakkan keadaan itu.

- Muhammad Taufik pula mengatakan, apabila umat Islam semakin mudah mengamalkan cara hisab untuk menentukan tarikh-tarikh penting dalam takwim Islam, kebergantungan pada melihat anak bulan pula semakin berkurang.
- Nurul Hafsa menyatakan bahawa ilmu kaji falak Islam itu versatile dan bersedia untuk semua keadaan sambil memberikan contoh dan rujukan.
- Nurul Hafsa juga menyatakan bahawa aktiviti pencerapan anak bulan ialah aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah.
- Muhammad Taufik memuji Nurul Hafsa atas keprihatinannya terhadap aktiviti pencerapan anak bulan dan ketulenan atmosfera.
- Nurul Hafsa menjelaskan bahawa sasaran Kawasan Langit Gelap di Kuala Selangor ialah seluruh kawasan Bukit Melawati, kawasan sepanjang Sungai Selangor yang meliputi kawasan Kampung Kuantan dan kawasan-kawasan perumahan yang berada dalam lingkungan 30 kilometer dari petempatan kelip-kelip.
- Nurul menjelaskan rasional projek itu, iaitu untuk mengembalikan populasi kelip-kelip ke Kuala Selangor sebelum pupus sepenuhnya.
- Nurul Hafsa percaya bahawa mereka belum terlambat berdasarkan data daripada Muhammad Taufik yang menunjukkan penurunan populasi kelip-kelip secara mendadak dalam tempoh dua tahun.
- Rasional keduanya pula adalah untuk mengembalikan kegemilangan Kuala Selangor sebagai pusat kajian falak yang terkenal pada peringkat antarabangsa.
- Apabila diminta memberikan penjelasan tentang pembangunan mendadak di Kuala Selangor, Budiman memberitahunya bahawa Nurul Hafsa berada di luar negara selama empat tahun, maka dia tidak tahu apa-apa yang berlaku.
- Muhammad Taufik menjelaskan bahawa pembangunan di Kuala Selangor sukar untuk dielakkan dan tidak dapat kembali ke masa lampau.
- Budiman menjelaskan bahawa kepupusan kelip-kelip dan lenyapnya bintang-bintang bukan isu klasik. Sebaliknya, isu yang sebenarnya ialah isu pengurusan teknologi secara optimum dan soal pengurusan Cahaya buatan manusia.
- Muhammad Taufik menjelaskan bahawa tiada sesiapa pun yang perlu kembali kepada masa lampau dan hidup pada zaman gua batu.
- Muhammad Taufik mempelawa Budiman dan Nurul Hafsa kembali ke Kuala Selangor seribu tahun dahulu dengan mengunjungi rumahnya untuk melihat kelip-kelip.

Bab 11: Lewat Satu Milenium

- Muhammad Taufik membawa Nurul Hafsa dan Budiman melihat kelip-kelip dengan menaiki sampan.
- Mereka berhenti di tempat yang gelap-gelita.
- Pada pemerhatian Nurul Hafsa kegelapan di situ terletak pada skala 2 Langit Gelap Bortler.
- Kelihatan di tempat itu dua ekor kelip-kelip terbang di udara hampir tidak bersentuhan.
- Menurut Muhammad Taufik, dua ekor kelip-kelip itu ialah kelip-kelip terakhir di dunia yang dikelirukan oleh cahaya lampu-lampu.
- Muhammad Taufik menunjukkan arah pucuk berembang dan lebih banyak kelip-kelip masuk dalam ruang pandangan mata Nurul Hafsa.
- Muhammad Taufik menerangkan perihal kelip-kelip jenis photuris.

- Muhammad Taufik mengajak Nurul Hafsa membayangkan seribu tahun dahulu, ketika kumpulan penduduk awal sampai di kawasan yang gelap dan tiba-tiba mereka melihat api-api kecil di udara yang tidak membakar, tidak panas, dan berkelip-kelip dengan begitu banyaknya.
- Muhammad Taufik berharap agar Nurul Hafsa faham sebab dia menyimpan kelip-kelip di situ serta meminta Nurul Hafsa tidak bimbang akan kanak-kanak dari Jepun.
- Muhammad Taufik memberitahu Nurul Hafsa tentang kunjungan ibunya ke Balai Cerap Sultan Salahuddin pada malam itu.
- Ibunya merupakan aktivis alam sekitar yang bekerja dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- Muhammad Taufik menyatakan bahawa dia akan komited dengan projek mereka.
- Muhammad Taufik mahu Nurul Hafsa berjanji, jika apa-apa berlaku kepadaanya, Nurul Hafsa harus meneruskan pencerapan data populasi kelip-kelip.
- Nurul Hafsa menyangkakan Muhammad Taufik menghidap sakit kronik, tetapi dinafikan oleh Muhammad Taufik.
- Nurul Hafsa berjanji akan meneruskan projek tersebut dan meminta Budiman membantunya.
- Nurul Hafsa sempat menganalisis sifat-sifat fizikal Muhammad Taufik hasil kombinasi ciri-ciri fizikal ibu dan bapanya.

Bab 12: Strategi

- Nurul Hafsa membentangkan kertas kerjanya di hadapan Pegawai Daerah Kuala Selangor, iaitu Dato' Haji Mustofa al-Hamidi dan panel penasihatnya tentang pencemaran cahaya.
- Dia juga menjelaskan kesannya terhadap keadaan langit dan populasi kelip-kelip.
- Nurul Hafsa menekankan bahawa manusia tiada pilihan selain taat akan perintah Tuhan untuk tidak melakukan kerosakan di atas muka bumi, malah memelihara alam sekitar agar kekal elok.
- Nurul Hafsa turut memasang slaid yang bertajuk "Mengurangkan Pencemaran Cahaya" dan menjelaskan cara menggunakan sumber cahaya pada tahap minimum untuk mencapai tujuan yang spesifik.
- Muhammad Taufik menjelaskan bahawa antara langkah yang dapat diambil termasuklah menggantikan lampu-lampu yang jarang digunakan dengan lampu yang menggunakan teknologi pengesan pergerakan.
- Muhammad Taufik turut menjelaskan langkah lain, iaitu menggantikan lampu-lampu yang sudah ketinggalan zaman dari segi reka bentuk dengan lampu-lampu yang membolehkan cahaya diarahkan ke tempat sepatutnya dengan kesan biasan dan kebocoran cahaya yang minimum. Lampu-lampu yang sedia ada juga digantikan dengan lampu-lampu yang mempunyai gelombang cahaya yang lebih rendah.
- Muhammad Taufik mencadangkan Majlis Daerah Kuala Selangor membuat penilaian semula terhadap pelan pencahayaan bandar Kuala Selangor. Malah mereka perlu merancang setiap pelan pencahayaan bandar ini semula dan melaksanakannya pada tahun hadapan.
- Muhammad Taufik mencadangkan agar premis-premis komersial dialihkan dari Balai Cerap Sultan Salahuddin dan tebing Sungai Selangor.
- Muhammad Taufik meminta Dato' Haji Mustofa al-Hamidi meneliti cadangan mereka untuk mewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.

Bab 13: Dendam Kembali Mekar

- Dato' Johann Arlington-Majid yang berada di kaki rumah api Kuala Selangor merungut tentang keperluan kelip-kelip dan faedah melihat bintang.
- Dato' Haji Mustofa al-Hamidi memberitahu Dato' Johann Arlington-Majid bahawa Menteri Besar akan mewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap pada tahun depan.
- Dato Johann Arlington-Majid mengingatkan Dato' Haji Mustofa al-Hamidi tentang janjinya, iaitu syarikatnya akan mendapat tender penggantian lampu pada tahun hadapan.
- Sebaliknya, Dato Haji Mustofa al-Hamidi mengatakan bahawa janji itu adalah janji mulut. Malah, beliau masih terikat dengan peraturan pemberian tender.
- Dato Johann Arlington-Majid diminta menghantar sebut harga untuk pelan pencahayaan yang mesra alam dengan harga yang paling murah.
- Dato Haji Mustofa al-Hamidi menyatakan bahawa Daun Emas satu-satunya syarikat yang bersedia untuk projek tersebut.
- Dato Haji Mustofa al-Hamidi memberikan masa seminggu kepada Dato' Johann Arlington-Majid kerana minggu depan pengiklanan untuk sebut harga tender baharu akan dibuat.
- Dato' Johann Arlington-Majid tidak menyangka bahawa permusuhan dengan Tan Sri Muhammin akan tercusus kembali kerana isu lampu. Sebelum ini, mereka bermusuhan kerana Maryam Wickham tidak memilihnya sebagai pasangan hidup.
- Dato' Johann Arlington-Majid berazam untuk mewakili kelompok manusia yang suka akan benda-benda yang cantik, terang, laju, maju, dan mahal.

Bab 14: Gelap dalam Terang

- Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik membuat pembentangan di Dewan Kuliah 1 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam.
- Pembentangan itu dihadiri oleh ahli akademik, pencinta alam sekitar, dan usahawan yang terlibat dalam perniagaan teknologi hijau.
- Pembentangan itu menerangkan jenis lampu yang dikenali sebagai lensa ular tedung atau *drop lens cobra luminaire* yang membentarkan cahaya terlepas ke tepi dan ke atas.
- Dato' Johann Arlington-Majid yang turut hadir teringat akan kecantikan Marion Wickham.
- Nurul Hafsa menerangkan lampu reka bentuk *full cut off*, iaitu lampu yang mengurangkan kebolehnampakan cahaya lampu dan pembiasnya berada di dalam lampu itu sendiri.
- Dato' Johann Arlington-Majid mengemukakan pertanyaan tentang lampu *full cut off* yang akan memerangkap lebih banyak cahaya di dalam badannya sehingga menyebabkan efisiensi pencahayaan yang rendah.
- Nurul Hafsa memberikan penyelesaian, iaitu apabila jumlah watt bagi setiap lampu *low cut off* dikurangkan, maka cahaya yang dihasilkan oleh tenaga yang rendah akan menghasilkan kesan yang sama juga.
- Nurul Hafsa menjelaskan bahawa mereka perlu berbalik kepada objektif projek, iaitu untuk menjadikan Kuala Selangor satu Kawasan Simpan Langit Gelap, bukannya untuk mewujudkan Bandar Cahaya atau Bandar Seribu Lampu.
- Nurul Hafsa menjelaskan bahawa sudah wujud beberapa jenis sumber pencahayaan komersial untuk pengguna dan setiap satunya mempunyai unsur-unsur yang dapat mempengaruhi kesesuaian untuk tugas-tugas tertentu.
- Dengan menilai semula dan menukar sumber cahaya yang digunakan, tidak mustahil mereka dapat mengurangkan penggunaan tenaga dan kesan-kesan pencemarannya seterusnya membaiki kecekapan lampu-lampu itu.

- Pembentangan yang terakhir ialah Kuala Selangor memerlukan kontraktor yang mampu membekalkan lampu-lampu sodium bertekanan rendah untuk semua fungsi pencahayaan awam mahupun domestik.
- Kontraktor juga dikehendaki melakukan kerja-kerja pemasangan, penyelenggaraan, dan servis selepas pemasangan dengan kos yang murah tanpa mengkompromikan kualiti bahan dan kualiti perkhidmatan. Dato' Johann Arlington-Majid bertanyakan sebab lampu-lampu dipasang di tempat-tempat gelap, sebab lampu tuju dihidupkan di luar rumah walaupun tiada penghuni, dan sebab kepada jalan-jalan yang jarang digunakan diberikan cahaya terang.
- Bagi Dato' Johann Arlington-Majid, kegelapan itu bakal mengundang jenayah dan perkara jahat.
- Nurul Hafsa sepantas kilat menjawab, iaitu ada lampu atau tiada lampu tidak mempunyai kaitan dengan kadar jenayah. Sebaliknya, hanya penguatkuasaan dan pemantauan pihak berkuasalah yang dapat menurunkan kadar jenayah.
- Nurul Hafsa mengatakan bahawa langkah-langkah kawalan untuk mengelakkan aktiviti jenayah juga sepatutnya diambil sebelum jenayah itu berlaku.
- Perdebatan antara Dato' Johann Arlington-Majid dengan Nurul Hafsa tamat apabila Menteri Besar meminta Dato' Johann Arlington-Majid berhenti mengacau majlis.
- Menteri Besar membuat pengumuman bahawa kerajaan negeri akan mengiklankan tender dalam masa terdekat.
- Dato' Johann Arlington-Majid mengupah tiga kaki pukul untuk memerhatikan pergerakan kumpulan Nurul Hafsa-Muhammad Taufik.

Bab 15: Khianat

- Nurul Hafsa dimaklumkan bahawa Muhammad Taufik kemalangan ketika dia berselisih dengan Budiman yang baru pulang dari masjid.
- Mereka pergi ke tempat kejadian dan mendapati kenderaan pacuan empat roda milik Muhammad Taufik tersadai jauh di Lorong Malinja, lorong ke rumah mesra alam.
- Berbandaran bunyi telefon bimbit, mereka berjaya mengesan kedudukan Muhammad Taufik yang terbaring dalam rimbunan lalang.
- Muhammad Taufik telah diserang oleh tiga orang yang tidak dikenalinya.
- Lima minit kemudian, ambulans dan polis tiba dan membawa Muhammad Taufik ke Hospital Besar Tanjung Karang.
- Menurut Inspektor Lim Teck Hoe, penjenayah itu mahu piyah polis menganggap serangan tersebut sebagai rompakan semata-mata. Oleh itu, mereka cuma mengambil dompet dan jam tangan.
- Sebaliknya, Inspektor Lim beranggapan bahawa serangan itu sebenarnya bermotifkan permusuhan perniagaan.
- Nurul Hafsa yang keletihan terlelap jua di lobi hospital, sementara Muhammad Taufik berada di bawah skalpel pasukan perubatan.

Bab 16: Dua Kelip-kelip Terakhir di Dunia

- Budiman ke hospital bersama-sama dengan Nurul Hafsa dan Haji Yassir.
- Di Hospital tiada pelawat, kecuali Maryam Wickham dan Tan Sri Muhaimin yang saling menyalahi.
- Nurul Hafsa memberitahu Maryam Wickham bahawa Muhammad Taufik menjalankan projek Kawasan Simpan Langit Gelap itu atas kesedaran dirinya sendiri selain berbuat demikian untuk membantunya dan Tan Sri Muhaimin.
- Nurul Hafsa meminta maaf atas kejadian yang berlaku kepada Muhammad Taufik ketika melawatnya di hospital.

- Nurul Hafsa faham jika Muhammad Taufik mahu menarik diri daripada rancangan mereka. Tetapi, Muhammad Taufik menganggap kejadian itu sebagai dugaan untuk orang lelaki.
- Muhammad Taufik bertanyakan sebab Nurul Hafsa tidak memakai selendang hitam Kristal. Bagi Muhammad Taufik, selendang hitam itu umpama langit malam dengan kelip-kelip dan bintang.

Bab 17: Jalan yang Ditinggalkan

- Tan Sri Muhaimin memberitahu Muhammad Taufik bahawa kejadian tersebut adalah perbuatan khianat yang dirancang, bukannya jenayah biasa.
- Muhammad Taufik tidak mahu mengingati kejadian malam itu. Dia juga bimbang sekiranya dia perlu mengikuti sesi kaunseling.
- Tan Sri Muhaimin mengesyaki Dato' Johann Arlington-Majid terlibat dalam jenayah itu.
- Pada malam kejadian, tayar hadapan kereta Muhammad Taufik pecah akibat terlanggar sesuatu.
- Ibunya menyebut objek tersebut sebagai stinger, iaitu besi hitam sepanjang satu meter dengan besi-besi kecil tajam di sepanjang alat tersebut.
- Sewaktu Muhammad Taufik turun dari kereta, kepalanya dipukul sehingga dia terpelanting ke tanah. Kemudian, dua orang memapahnya dan merampas dompet dan jam tangannya.
- Ketika itu, Muhammad Taufik terasa kepalanya berpusing-pusing dan pandangannya berpinar-pinar serta terasa sakit.
- Muhammad Taufik mendapat kekuatan untuk menelefon Budiman.
- Inilah kali pertama Muhammad Taufik dapat mengingati peristiwa tersebut secara terperinci.
- Tan Sri Muhaimin mengatakan bahawa Inspektor Lim menasihatinya agar menghebahkan kepada pihak media bahawa kejadian ini hanyalah jenayah biasa.
- Sebaliknya, Muhammad Taufik tidak bersetuju kerana kenyataan itu akan membuktikan bahawa kegelapan sebagai punca jenayah bermaharajalela.
- Kenyataan itu juga akan menggugat projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.
- Muhammad Taufik mahu Tan Sri Muhaimin mengatakan perkara yang sebenarnya, iaitu serangan itu bersifat peribadi yang bermotifkan dendam dan persaingan perniagaan.
- Muhammad Taufik meminta ibunya memberikan sokongan kerana beliau lebih memahami situasi tersebut apatah lagi banyak orang yang bergantung harap kepada Muhammad Taufik.
- Tan Sri Muhaimin berjanji kepada Menteri Besar untuk menyelesaikan perkara tersebut.
- Tan Sri Muhaimin mengarahkan Muhammad Taufik mengikuti ibunya balik ke Otago, New Zealand.
- Muhammad Taufik terpaksa mengalah. Dia akan meninggalkan kampung, kelip-kelip, rumah yang dicintai, keluarga Haji Yassir, dan Nurul Hafsa.
- Keesokan harinya, Muhammad Taufik membaca berita tentang Kuala Selangor akan diwartakan sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.

Bab 18: Kerasukan

- Nurul Hafsa mengotakkan janjinya kepada Muhammad Taufik untuk melaksanakan kerja-kerja mencerap populasi kelip-kelip.
- Selepas isyak, Budiman menemani Nurul Hafsa mencerap kelip-kelip dengan peralatan yang diberikan oleh Tan Sri Muhaimin.

- Budiman memberitahu Nurul Hafsa bahawa Muhammad Taufik akan kembali ke Otago pada hari Jumaat ini.
- Nurul Hafsa menyatakan bahawa Muhammad Taufik bebas pergi ke mana-mana sahaja.
- Dia memanjatkan rasa syukur kerana projek mereka berjaya dan Kuala Selangor akan menjadi Kawasan Simpan Langit Gelap pada tahun hadapan.
- Nurul Hafsa ingin melawat ke Kuala Terengganu untuk membeli selendang hitam berhias manik-manik kristal sambil menziarahi kawannya.
- Tiba-tiba Nurul Hafsa mendengar bunyi hentaman yang kuat dan ternampak Budiman tergelimpang di tanah.
- Nurul Hafsa ditarik oleh tiga orang lelaki.
- Ketika meronta-ronta, muka Nurul Hafsa ditumbuk sehingga pengsan.

Bab 19: Selendang Hitam Manik Kristal

- Muhammad Taufik menerima jambangan bunga dan sekeping kad.
- Sebelum itu, konstabel yang berkawal di depan biliknya telah memeriksa jambangan bunga dan membaca kad itu terlebih dahulu.
- Tiba-tiba Muhammad Taufik cemas apabila melihat jambangan bunga itu dibungkus dengan kain hitam berhias manik-manik kristal.
- Secebis kertas terjatuh ketika Muhammad Taufik meleraikan bungkus jambangan itu.
- Cebisan kertas itu yang mencatatkan Jumaat 8:30 pagi, stesen PETRONAS, van putih, dan seorang diri.
- Muhammad Taufik mula sedar bahawa dia hanya memikirkan dirinya tanpa mempedulikan Nurul Hafsa dan Budiman yang turut terlibat.
- Tindakannya untuk balik bersama ibunya ke Otago adalah pengecut.
- Dalam perjalanan ke lapangan terbang, Muhammad Taufik meminta pemandu ayahnya berhenti di stesen minyak PETRONAS kerana dia hendak ke tandas.
- Muhammad Taufik ditarik ke dalam van yang sedia menunggunya dan dibawa ke tempat Nurul Hafsa diculik.
- Muhammad Taufik telah dipukul pada bahagian rusuk hingga menyebabkan dia jatuh ke lantai simen.

Bab 20: Nyawa untuk Nyawa

- Nurul Hafsa sedar bahawa Muhammad Taufik tidak mampu bertahan lama dengan keadaannya yang masih memerlukan rawatan.
- Selepas dia ditolak keluar dari sebuah kenderaan, Nurul Hafsa diselamatkan oleh pemandu van dan membawanya ke balai polis Bestari Jaya.
- Atas permintaan PDRM Kuala Selangor, Nurul Hafsa dipindahkan ke IPD Kuala Selangor.
- Setelah melalui pemeriksaan oleh pasukan kesihatan, Nurul Hafsa didapati tidak mengalami sebarang musibah fizikal.
- Nurul Hafsa diminta memberikan keterangan kepada pihak polis.
- Budiman pula melahirkan rasa syukur kerana adiknya selamat, manakala Haji Yassir berpendapat bahawa penjahat itu silap orang. Mereka menculik anak orang kenamaan sehingga satu Malaysia mengetahui kes penculikan itu.
- Di kaca televisyen, Ketua Inspektor Lim memberi ulasan tentang kes penculikan tersebut.

Bab 21: Legasi Baju Biru

- Ketua Inspektor Lim cuba mendapatkan gambaran yang jelas tentang kes penculikan Muhammad Taufik.

- Bermula pada pukul 11:00 malam Khamis yang lalu, Ibu Pejabat Polis Diraja Kuala Selangor menerima laporan tentang penculikan Nurul Hafsa dan serangan ke atas Budiman.
- Pasukan polis melakukan sekatan jalan raya di sekitar jalan ke Kuala Lumpur dan ke Tanjung Karang.
- Selepas mengetahui kes penculikan Nurul Hafsa, Tan Sri Muhamimin bergerges ke Hospital Besar Tanjung Karang untuk membawa Muhammad Taufik keluar dari hospital.
- Muhammad Taufik meminta pemandu Tan Sri Muhamimin memberhentikan kereta di stesen minyak PETRONAS kerana dia hendak ke tandas.
- Menteri Besar menelefon Tan Sri Muhamimin untuk mengetahui lebih lanjut tentang kes penculikan Nurul Hafsa dan kaitannya dengan Muhammad Taufik.
- Tan Sri Muhamimin merasakan ada sesuatu yang tidak kena kerana anaknya itu tidak kembali ke kereta mereka.
- Polis penyiasat bergerges ke stesen minyak PETRONAS dan meminta pita video kamera litar tertutup.
- Pita video itu memaparkan Muhammad Taufik ditarik ke dalam sebuah van putih di belakang stesen minyak.
- Tan Sri Muhamimin menunjukkan satu pesanan menerusi telefon yang meminta sebut harga Syarikat Dedaun Emas ditarik balik kepada Ketua Inspektor Lim.
- Ketua Inspektor Lim menasihati Tan Sri Muhamimin agar menarik balik sebut harga dan membuat sidang akbar.
- Tan Sri Muhamimin enggan menerima perkhidmatan kawalan keselamatan keran bimbang nyawa anaknya terancam.
- Tan Sri Muhamimin membuat telahan bahawa anaknya mengetahui bahawa Nurul Hafsa telah diculik atau mungkin tidak mahu mengikuti ibunya pulang ke New Zealand.
- 20 minit selepas kehilangan Muhammad Taufik, sekatan jalan telah dilakukan untuk memeriksa van putih yang bernombor plat BTH 2109.
- Pada pukul 11:00 pagi, Ketua Inspektor Lim menerima panggilan daripada IPD Bestari Jaya yang melaporkan bahawa Nurul Hafsa telah dijumpai.
- Pihak Polis Bestari Jaya menerima aduan daripada penduduk tempatan tentang aktiviti bukan perlادangan di ladang kelapa sawit yang terletak jauh di pedalaman Bestari Jaya.
- Pasukan Gerak Khas digerakkan dengan pegawai komando dan penembak tepat yang berkemahiran tempur untuk mengepung sebuah rumah batu.
- Berlaku peristiwa tembak-menembak antara penjahat dengan pihak polis sehingga Muhammad Taufik berjaya diselamatkan.

Bab 22: Cinta Pejuang

- Nurul Hafsa dan Budiman berada di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor untuk meraikan pernikahan semula Tan Sri Muhamimin dengan Maryam Wickham.
- Tan Sri Muhamimin melahirkan rasa syukur kerana anak dan isterinya kembali ke pangkuannya, manakala musuh perniagaannya bakal menghadapi pengadilan.
- Muhammad Taufik memulangkan selendang hitam manik kristal yang disimpannya sejak Nurul Hafsa diculik dan meminta balasan.
- Nurul Hafsa terkejut apabila Muhammad Taufik ingin menghantar rombongan untuk melamarnya.
- Muhammad Taufik sudah memaklumkan perkara tersebut kepada bapa Nurul Hafsa.
- Nurul Hafsa tersenyum apabila membaca mesej teks daripada Muhammad Taufik yang berbunyi, "Kita ialah dua ekor kelip-kelip terakhir di dunia".

Tema

Tema novel "Bimasakti Menari" ialah cinta akan alam sekitar.

Persoalan

- (a) Sikap tidak bertolak ansur antara suami isteri akan menyebabkan berlakunya perceraian.
- (b) Perceraian antara suami isteri menyebabkan anak-anak menjadi mangsa kerana kehilangan kasih sayang.
- (c) Sikap tamak dan dendam mengakibat seseorang itu terjebak dalam perbuatan jenayah.
- (d) Sekiranya sudah jodoh, seseorang itu tetap bersatu sebagai suami isteri.
- (e) Sikap penjawat awam yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas.
- (f) Tanggungjawab abang terhadap adik perempuan.
- (g) Keikhlasan dan kejujuran dalam persahabatan.
- (h) Kasih sayang ibu dan bapa terhadap anak.
- (i) Kekayaan yang digunakan untuk kebaikan.

Watak dan Perwatakan

Nurul Hafsa

- (a) Anak gadis Haji Yassir.
- (b) Belajar di luar negara, iaitu Jordan dalam bidang Fizik dan Kaji Falak.
- (c) Cinta akan alam sekitar.
- (d) Bijak, berani, dan tabah.
- (e) Bersikap baik hati.
- (f) Berbudi bahasa.
- (g) Pemarah.
- (h) Teguh berpegang pada janji.
- (i) Petah berkata-kata untuk mematahkan hujah pihak lawan.

Muhammad Taufik

- (a) Anak tunggal kepada Tan Sri Muhamimin dan Puan Maryam Wickham.
- (b) Berambut hitam pekat dan ikal.
- (c) Kulitnya cerah seperti kulit Maryam Wickham.
- (d) Hidungnya mancung sederhana.
- (e) Bertubuh tegap dan tinggi lampai.
- (f) Cinta akan alam sekitar.
- (g) Bersikap penyabar dan tabah.
- (h) Berpendidikan tinggi hingga memiliki sarjana.
- (i) Bersikap prihatin dan penyayang.
- (j) Suka berterus terang.
- (k) Komited dalam mencintai alam sekitar.
- (l) Berbudi bahasa.

Budiman

- (a) Anak lelaki tunggal Haji Yassir.
- (b) Abang kepada Nurul Hafsa.
- (c) Sahabat kepada Muhammad Taufik.
- (d) Guru sains di Sekolah Menengah Tanjung Karang.
- (e) Baik hati dan bertanggungjawab.
- (f) Taat pada ajaran agama.
- (g) Bersikap prihatin.

Tan Sri Muhamimin

- (a) Ahli perniagaan yang berjaya.
- (b) Jutawan di Asia Tenggara.
- (c) Berpengaruh besar.
- (d) Penyayang dan berpendirian teguh.
- (e) Tidak bersifat dendam terhadap bekas isterinya.
- (f) Taat akan perintah agama.

Maryam Wickham

- (a) Ibu kepada Muhammad Taufik.
- (b) Bekas isteri kepada Tan Sri Muhamimin.
- (c) Aktivis alam sekitar.
- (d) Sanggup bercerai dengan suaminya kerana teguh dengan perjuangannya.
- (e) Baik hati dan bersikap toleransi.

Dato' Johann Arlington-Majid

- (a) Bersikap pendamad.
- (b) Berhati jahat.
- (c) Ahli perniagaan yang tidak kreatif untuk memajukan perniagaannya.

Haji Yassir

- (a) Bapa kepada Budiman dan Nurul Hafsa.
- (b) Hidup seorang diri selepas kematian isterinya.
- (c) Bertanggungjawab dan taat pada ajaran agama.

Latar

Latar Tempat

- (a) Balai Cerap Sultan Salahuddin.
- (b) Kampung Kuantan.
- (c) Stesen minyak PETRONAS.
- (d) Kawasan peladangan di Bestari Jaya.
- (e) Hospital Besar Tanjung Karang.
- (f) Taman Rimba Templar.
- (g) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- (h) Sekolah Kebangsaan Tanjung Keramat.
- (i) De Palma.
- (j) Rumah prototaip Ikhtiar Teknoalam.

Latar Masa

- (a) 50 tahun lalu.
- (b) Pada pukul 11:30 malam.
- (c) Sebelum solat zuhur.
- (d) Selepas solat isyak.
- (e) Pada pukul 5:00 pagi.
- (f) Pada waktu subuh.
- (g) Pada pukul 8:20 pagi.
- (h) Pada pukul 10:00 malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mementingkan kerjaya sehingga sanggup mengambil tindakan yang radikal.
- (b) Masyarakat yang cintakan alam sekitar.
- (c) Masyarakat yang tamak.
- (d) Masyarakat terpelajar.
- (e) Masyarakat yang hidup harmoni.
- (f) Masyarakat kahwin campur.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Nurul Hafsa baru bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Nurul Hafsa melayan sekumpulan murid dari Jepun yang diiringi oleh Puan Wickham bagi mencerap bintang. Malangnya, bintang tidak kelihatan kerana langit terlalu cerah. Hasrat mereka untuk melihat kelip-kelip di Kampung Kuantan juga tidak kesampaian.
- (c) **Perkembangan** – Nurul Hafsa membuat laporan tentang pencemaran cahaya yang menghalang aktiviti mencerap bintang dan kelip-kelip ke Pejabat Daerah. Ketua Nurul Hafsa, iaitu Puan Foziah menasihati Nurul Hafsa agar tidak

mengharapkan sebarang tindakan kerana pembangunan di Kuala Selangor tidak melanggar undang-undang alam sekitar. Kemudian, Budiman mempertemukan Nurul Hafsa dengan Muhammad Taufik. Mereka bersetuju untuk melaksanakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor bagi aktiviti pencerapan bintang dan menjaga populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan. Atas pengaruh Tan Sri Muhamimin, mereka berjaya membuat pembentangan kepada Pegawai Daerah Kuala Selangor. Menteri Besar telah mengadakan majlis terbuka kepada orang ramai bagi mendengar pembentangan tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap tersebut.

- (d) **Perumitan** – Projek tersebut ditentang oleh Dato' Johann Arlington-Majid. Dato' Johann Arlington-Majid juga tidak bersetuju kerana syarikat beliau tidak dapat membekalkan lampu-lampu *full cut off* yang diperlukan bagi tujuan projek tersebut. Dato' Johann Arlington-Majid sememangnya sudah lama berdendam dengan Tan Sri Muhamimin kerana Maryam Wickham memilih Tan Sri Muhamimin sebagai pasangan hidup. Muhammad Taufik diserang ketika balik dari masjid. Setelah mendapat penjelasan daripada Tan Sri Muhamimin, Menteri Besar bersetuju untuk meneruskan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.
- (e) **Klimaks** – Rentetan penculikan Nurul Hafsa, Muhammad Taufik yang sepatutnya mengikuti ibunya balik ke Otago, New Zealand telah menemui penculik di stesen minyak PETRONAS. Kemudian, Muhammad Taufik dibawa ke sebuah kawasan perladangan kelapa sawit. Selepas itu mereka membebaskan Nurul Hafsa. Nurul Hafsa membuat laporan di balai polis Bestari Jaya. Inspektor Lim menuahkan pasukan Gerak Khas. Akhirnya, penjenayah tersebut berjaya diberkas.
- (f) **Peleraian** – Hubungan antara Nurul Hafsa dengan Muhammad Taufik bertambah intim. Tan Sri Muhamimin dan Maryam Wickham mengambil keputusan untuk bernikah semula. Sewaktu pernikahan ibu bapanya, Muhammad Taufik telah melamar Nurul Hafsa. Nurul Hafsa tersenyum apabila membaca mesej teks daripada Muhammad Taufik yang berbunyi "Kita ialah kelip-kelip terakhir di dunia".

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan Budiman yang memandu kereta kompak buatan tempatan tiba di satu kawasan berpagar yang mengelilingi tanah yang luas.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Nurul Hafsa dengan Haji Yassir tentang orang yang membeli tanah di kawasan sungai dari Kampung Kuantan ke Kampung Api-api.
- (c) Teknik imbas kembali. Contohnya, Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik mengimbau kembali zaman persekolahan mereka di sekolah rendah dahulu.
- (d) Teknik monolog. Contohnya, Dato' Johann Arlington-Majid merungut dalam hati tentang kelip-kelip yang tidak perlu ada di Kuala Selangor yang indah dan malar hijau.
- (e) Teknik saspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya sama ada Muhammad Taufik akan ditemui oleh Budiman dan Nurul Hafsa atau tidak selepas dia diserang ketika balik dari masjid.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *falak; wafat; Insya-Allah; kalam suci al Quran*.
- (b) Bahasa Inggeris. Contoh: *platform; amatur; profesional; deskripsi*.
- (c) Hiperbola. Contoh: *seorang pengembara dunia; empat sungai di dalam syurga Firdaus*.
- (d) *Istilah khusus*. Contoh: *grid utiliti; buruj Orion; astronomi; fajar al-kazhib*.
- (e) Peribahasa. Contoh: *air tangan; hilang akal; membisu seribu bahasa; makan gaji buta*.
- (f) Simile. Contoh: *seperti burung terbang mengejar bintang-bintang di langit; umpama srikandi*.

Nilai

- (a) Nilai cinta akan alam sekitar. Contohnya, Nurul Hafsa berusaha mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor supaya habitat kelip-kelip di kawasan itu terpelihara.
- (b) Nilai tanggungjawab. Contohnya, Tan Sri Muhamimin telah membesarakan anak tunggalnya dengan memenuhi segala keperluan anaknya.
- (c) Nilai ketabahan. Contohnya, Nurul Hafsa tabah menghadapi ancaman dalam usaha mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor untuk menjaga habitat kelip-kelip dan pencerapan bintang.
- (d) Nilai kasih sayang. Misalnya, Maryam Wickham sayang akan anaknya, iaitu Muhammad Taufik.
- (e) Nilai ketaatan. Misalnya, Budiman taat pada ajaran agama.
- (f) Nilai amanah. Contohnya, Nurul Hafsa tetap meneruskan projek mencerap kehadiran kelip-kelip di Kampung Kuantan kerana dia telah berjanji dengan Muhammad Taufik untuk meneruskan projek mereka sekiranya dia ditimpa sesuatu perkara buruk.
- (g) Nilai hormat-menghormati. Misalnya, Muhammad Taufik tetap menghormati Nurul Hafsa sebagai tetamunya walaupun Nurul Hafsa memarahinya yang memagari sungai di Kampung Kuantan.
- (h) Nilai ketaatan. Misalnya, Budiman dan Muhammad Taufik taat pada ajaran agama dengan menunaikan solat berjemaah di masjid.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mencintai alam sekitar supaya kehidupan kita dan makhluk lain tidak terancam.
- (b) Kita mesti mempunyai sikap setia kawan supaya tidak berlakunya pengkhianatan.
- (c) Ibu bapa sepatutnya bertanggungjawab terhadap anak masing-masing.
- (d) Kita mesti tabah dalam melaksanakan sesuatu kerja supaya matlamat kerja tersebut tercapai.
- (e) Ibu bapa haruslah memberikan kasih sayang kepada anak.
- (f) Kita perlu berilmu supaya kita mampu membela agama, bangsa, dan negara.
- (g) Kita hendaklah taat pada ajaran agama supaya hidup diberkati.
- (h) Kita sepatutnya amanah dalam sesuatu tugas agar tugas itu dilaksana dengan baik.
- (i) Kita sewajarnya saling menghormati supaya kehidupan kita menjadi harmoni.
- (j) Kita hendaklah memberikan kerjasama kepada pihak polis untuk membanteras jenayah.

Sinopsis

Haiqal tinggal bersama umi dan walid, iaitu bapa tirinya di Kuala Terengganu, Terengganu. Bapa kandung Haiqal pula, iaitu Abdullah bin Kayan berada di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Umi Haiqal merupakan usahawan batik. Beliau tidak dapat menerima bapa kandung Haiqal sebagai seorang pencinta seni sastera dan budaya. Perkahwinan mereka berdua hanya bertahan selama tiga tahun.

Sejak kecil lagi, Haiqal tidak pernah berjumpa dengan bapa kandungnya itu. Ketika usia Haiqal 12 tahun, iaitu sewaktu dia sedang menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), bapa kandung Haiqal telah meninggal dunia. Umi dan walid turut melawat jenazah Abdullah bin Kayan tetapi melarang Haiqal ikut sama atas alasan dia sedang menduduki peperiksaan UPSR.

Pada suatu hari, Haiqal menerima sebuah manuskrip yang dihantar oleh seorang gadis berbangsa Cina. Gadis itu ialah See Hwa. Sejak itu, hati Haiqal meronta-ronota untuk pergi ke Batu Pahat. Lebih-lebih lagi, manuskrip yang diterimanya itu menceritakan kehidupan Abdullah bin Kayan yang melibatkan diri dalam memperkasakan seni budaya zapin. Haiqal teruja untuk menjelaki sejarah kehidupan bapa kandungnya itu bagi mengubat rindu yang ditangungnya sejak kecil lagi.

Pada suatu malam, Haiqal memberitahu umi dan walid bahawa dia ingin ke kampung halaman arwah bapanya. Malangnya, uminya memarahi Haiqal kerana Abdullah bin Kayan sudah lama meninggal dunia. Haiqal tetap berkeras dengan keputusannya. Umi Haiqal mengancamnya untuk tidak memberinya duit perbelanjaan sepanjang Haiqal berada di sana.

Haiqal sampai ke stesen bas Batu Pahat pada waktu subuh. Kemudian, dia menaiki sebuah teksi ke Parit Raja, iaitu kampung halaman arwah bapanya. Di warung Wak Min, Haiqal bertanya tentang rumah Abdullah bin Kayan. Sebaliknya, Wak Min meminta Haiqal menunggu Tauke Ong. Setelah Tauke Ong tiba pada 7:30 pagi, dia menghantar Haiqal ke rumah arwah bapa kandungnya.

Pada pukul 12:00 tengah hari, Tauke Ong dan anaknya, See Hwa datang untuk membawa Haiqal makan tengah hari. Sewaktu dalam kereta, Tauke Ong memberitahu Haiqal tentang kerja-kerja yang perlu diuruskan oleh Haiqal. Selama ini, Tauke Onglah yang memegang amanah untuk mengurus ladang kelapa sawit dan kebuh getah milik Abdullah bin Kayan.

Apabila tiba di pekan Parit Raja, Tauke Ong meminta See Hwa membawa Haiqal makan di sebuah restoran kerana dia mempunyai urusan di bank. See Hwa berbual-bual dengan Haiqal tentang tempat tinggal masing-masing. Pada waktu itu, Haiqal teringatkan rakan karibnya, Ratna. See Hwa memberitahu Haiqal bahawa arwah bapanya pandai memasak cili padi ikan haruan. Selama ini, See Hwalah yang telah mengisi kekosongan jiwa bapanya hingga akhir hayat. Haiqal ingin mendekati See Hwa kerana dia pasti bahawa See Hwa banyak menyimpan rahsia hidup Abdullah bin Kayan. Haiqal membuat telahan bahawa watak Ai Ling dalam manuskrip arwah bapanya itu ialah See Hwa.

Selepas makan, Haiqal dibawa berjalan-jalan di sekitar pekan Parit Raja. Mereka berhenti di sebuah kedai buku untuk membeli novel. Ternyata Haiqal dan Swee Ha meminati penulis yang sama. Semasa berehat di rumah arwah bapanya, Haiqal teringat akan adiknya yang sedih sewaktu dia meninggalkan rumah. Haiqal juga teringatkan pesanan ringkas daripada Ratna lalu membala pesanan ringkas tersebut.

Haiqal menziarahi pusara arwah bapanya dengan menaiki motosikal yang dipinjamkan oleh Tauke Ong. Sewaktu dalam perjalanan pulang, Haiqal berhenti di kawasan sekumpulan remaja sedang memancing ikan. Di situ, Haiqal berbual-bual dengan seorang lelaki yang berusia 40-an, iaitu Pak Cik Bakar. Menurut Pak Cik Bakar, arwah bapa Haiqal bukanlah calang-calang orang. Beliau seorang yang berjiwa besar, baik, banyak berjasa, dan disukai masyarakat. Pak Cik Bakar dan arwah bapa Haiqal umpama saudara kandung.

Sepanjang berada di Kampung Seri Purnama, Haiqal dilayan dengan baik oleh penduduk kampung. See Hwa pula semakin rapat dengan Haiqal. Dia banyak membantu Haiqal menjelaki bekas kehidupan Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama yang aktif sebagai penggiat seni dan sastera. Selain itu, Pak Cik Bakar, Lazim, dan Wak Salim turut memberikan bantuan kepada Haiqal.

Pada suatu hari, Haiqal telah dibawa ke balai raya Kampung Seri Purnama. Di balai raya itu, Haiqal dapat melihat pelbagai hasil kegiatan arwah bapanya. Beberapa album, majalah, dan buku-buku milik arwah bapanya dipamerkan di situ. Sememangnya arwah bapa Haiqal benar-benar penari zapin.

Haiqal mengemukakan cadangan untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula kepada Pak Cik Bakar dan ketua kampung. Selepas kata setuju diputuskan, persiapan pun dibuat. Tauke Ong mencadangkan Haiqal turut belajar tarian zapin. Pada mulanya, Haiqal terasa malu. Apabila digalakkan oleh Pak cik Bakar dan lain-lain, Haiqal pun belajar tarian zapin.

Pada hari persembahan, Lazim yang sepatutnya berpasangan dengan Haiqal mengalami kemalangan. Pak Cik Bakar menyuruh Haiqal memujuk See Hwa untuk berpasangan dengannya. Sewaktu Haiqal berkunjung ke rumah See Hwa, dia mendapatk See Hwa telah pun bersedia dengan pakaian tarian zapin. Persembahan tarian zapin Haiqal dan Swee Ha mendapat sambutan hebat. Semasa membuat persembahan tersebut, Haiqal ternampak keliatan umi, walid, dan Nurul Asiyah. Haiqal muhul berlari dan memeluk anggota keluarganya sebagai tanda syukur.

Kemudian, Haiqal melanjutkan pengajiannya di Bumi Kenyalang. Dendam uminya terhadap arwah bapanya juga telah lebur. Ratna pula telah bertunang dengan seorang usahawan. Sementara, See Hwa terlalu sedih sewaktu dia meninggalkan Kampung Seri Purnama. Tauke Ong memberitahu Haiqal bahawa ada seseorang yang akan sentiasa merindunya. Haiqal menganggap semua itu sebagai satu permulaan. Haiqal sedar bahawa dia perlu mewujudkan Aksara tetapi pekerja itu masih jauh daripada jangkauannya. Manuskrip lama yang ditulis oleh arwah bapanya disimpan kemas. Namun begitu, Haiqal menyatakan kepada See Hwa bahawa dia akan tetap akan menjelaki arwah bapanya walapun beliau bukan Abdullah bin Kayan. Sekiranya See Hwa ialah Ai Ling dalam manuskrip ayahnya itu, dia juga akan tetap menjelaki See Hwa.

Inti Pati Bab

Bab 1: Tersingkap Rahsia

- Sudah hampir seminggu, Haiqal membelek-belek manuskrip setebal lima puluh lapan muka surat yang berkulit biru muda itu.
- Setiap hari, Haiqal akan membaca manuskrip yang seperti ada kuasa magnet.
- Oleh sebab fikiran yang kuat ke atas manuskrip itu, Haiqal hampir-hampir melanggar seorang budak kecil yang tiba-tiba berlari melintas jalan.
- Manuskrip berkulit biru muda itu selesa dibaca kerana ditaip dengan kemas dan teratur.
- Haiqal seperti berada di alam lain, iaitu alam Abdullah bin Kayan yang tidak diketahui sejarah hidupnya walaupun daripada mulut uminya sendiri.
- Semasa usianya enam tahun, dia telah diberitahu oleh uminya bahawa Abdul Fatah atau walid ialah bapa tirinya.
- Umi memberitahu Haiqal bahawa bapa kandung Haiqal masih hidup dan berada jauh dari tempat tinggal mereka.

Bab 2: Kisah Seorang Teman

- Ratna yang mengenakan baju kurung agak labuh dan bertudung melabuhkan punggungnya di kerusi kosong berhadapan dengan Haiqal.
- Gerai tersebut diambil alih oleh Ratna daripada emaknya setelah gagal mendapat keputusan yang baik dalam SPM.
- Haiqal menikmati teh tarik dan keropok lekor di gerai kawan baiknya, Ratna yang menghadap Pantai Batu Buruk.
- Semasa menerima keputusan SPM, Haiqal memujuk Ratna supaya tidak menangis kerana kegagalan dalam peperiksaan bukan bermakna gagal dalam hidup.
- Haiqal juga kecewa kerana gagal ke institut pengajian tinggi.
- Namun begitu, Haiqal tetap berasa bersyukur kerana ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam.
- Haiqal mengajak Ratna berjalan-jalan di tepi pantai.
- Mereka berbicara tentang soal umi Haiqal, bapa kandungnya, iaitu Abdullah bin Kayan serta manuskrip yang diterima oleh Haiqal tanpa diketahui oleh umi, bapa tiri, dan adik tirinya.
- Haiqal menerima manuskrip tersebut pada suatu pagi ketika mencuci motosikalnya yang dialamatkan atas namanya dan dikirimkan dengan menggunakan pos laju.
- Pengirim bungkusan ialah seorang gadis Cina yang bernama Ong See Hwa dari Kampung Seri Purnama, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Bab 3: Senaskhah Manuskrip Lama

i

- Bunyi gambus, biola, dok (gendang panjang), marakas, marwas, tamborin, dan akordian saling bertingkah menghasilkan irama yang cukup enak dijadikan santapan telinga.
- Cikgu Amirulnizam atau lebih dikenal sebagai Cikgu Zam amat mengagumi rakan-rakan sebayanya seperti Roslan, Ramli, dan Sidin yang gigih belajar serta berlatih menari zapin.
- Pak Haji Salam, Wak Aruf, Wak Parmin, dan Abang Bakir merupakan golongan veteran zapin bersungguh-sungguh mengajarkan zapin kepada generasi muda.
- Setelah selesai berlatih, mereka bersempang-sempang di warung Pak Dolah di pinggir jalan di hadapan kampung hingga lewat malam.

- Cikgu Zam dan Tauke Lim berbual-bual tentang Ai Ling, iaitu anak perempuan bongsu Tauke Lim yang berusia sembilan tahun.
- Cikgu Zam teringatkan anaknya, iaitu Aiman yang sehari lebih tua daripada Ai Ling.
- Tanah yang didiami oleh Tauke Lim sekarang sebenarnya dibeli daripada arwah bapa Cikgu Zam.
- Pada waktu pagi, Tauke Lim dan isterinya akan menoreh getah di kebun getah bapa Cikgu Zam.
- Pada sebelah petangnya pula, Tauke Lim akan meronda dengan motosikalnya untuk meraih hasil kampung dan dijual di pekan.
- Hasil kegigihan Tauke Lim, akhirnya dia dapat membeli setengah ekar tanah kebun getah bapa Cikgu Zam untuk dijadikan tapak rumah. Tapak rumah itu kekal sehingga hari ini.
- Tauke Lim menetap di Kampung Seri Purnama itu sudah hampir lapan belas tahun.
- Anak sulung Tauke Lim berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dalam jurusan undang-undang, manakala anak keduanya, Ai Ching akan menduduki peperiksaan SPM.
- Arwah bapa Cikgu Zam sudah menganggap Ai Ching dan Ai Ling seperti cucunya sendiri.
- Merekalah tempatnya menumpahkan kasih sejak emak Cikgu Zam meninggal dunia akibat darah beku di kepalanya kororan kemalangan dahulu.
- Setiap hari Ai Ling akan menaiki kereta Cikgu Zam ke Sekolah Kebangsaan Seri Purnama memandangkan Cikgu Zam juga mengajar di sekolah yang sama.
- Cikgu Latifah berbual-bual dengan Cikgu Zam tentang senario pendidikan hari ini.
- Cikgu Latifah bercerita tentang Ai Ling yang begitu berminat dalam Pendidikan Agama, suka membaca buku kisah para nabi dan rasul, serta tokoh-tokoh Islam.

ii

- Cikgu Zam mengusik Tauke Lim supaya membeli kereta baru ketika dia membantu Tauke Lim menukar bateri kereta wagonnya.
- Tauke Lim tidak mahu menukar keretanya itu kerana anak-anaknya masih bersekolah, tambahan pula dia suka berjimat cermat.
- Semasa minum teh tarik mamak di pekan, Tauke Lim membuka cerita tentang Ai Ling yang meminta kebenarannya untuk menaiki kereta Cikgu Zam untuk ke sekolah pada setiap pagi.
- Cikgu Zam meluahkan kerinduannya kepada Aiman apabila Tauke Lim tidak menghalang Cikgu Zam menumpangkan anaknya dan menganggap anaknya itu sebagai anak Cikgu Zam.
- Cikgu Zam pernah pergi berjumpa dengan anaknya tetapi kedatangannya tidak disukai.
- Tauke Lim memuji ketabahan Cikgu Zam menjalani kehidupan tanpa anak di sisinya.

iii

- Lagu "Selendang Mak Inang" yang dimainkan oleh kumpulan zapin D'Purnama sememangnya mencuit perasaan.
- Selesai latihan, Pak Haji Salam selaku ketua kumpulan zapin D'Purnama berbincang dengan semua yang hadir dalam latihan.
- Haji Kemat JKKK memaklumkan kepada Pak Haji Salam bahawa YB Samsuri akan datang ke kampung mereka dua minggu lagi.

- Kebetulan pada tarikh yang sama, pegawai dari Yayasan Warisan Negeri juga akan datang ke kampung mereka untuk mengkaji dan mempelajari rentak zapin jincat.
- Sudah lebih dua puluh tahun kumpulan zapin D'Purnama terkubur disebabkan beberapa orang ahlinya bertindak keluar dari D'Purnama dan menu buhuk kumpulan baharu.
- Kini, kumpulan zapin D'Purnama dihidupkan semula untuk mengembalikan kegembilan zapin.
- Cikgu Zam diminta menyiapkan aturcara persembahan dan menyediakan budak-budak kompong untuk menyambut ketibaan YB Samsuri dan pegawai-pegawai daripada Yayasan Warisan Negeri.
- Tauke Lim menawarkan diri untuk menanggung segala perbelanjaan jamuan tetamu.

iv

- Cikgu Zam terlewat pulang kerana berbincang dengan Cikgu Zanariah yang diberi tanggungjawab untuk mengurus pertandingan deklamasi puisi bagi murid-murid tahap satu termasuklah Ai Ling.
- Cikgu Zam menawarkan diri untuk mengajar Ai Ling mendeklamasi sajak.
- Ai Ling memilih sajak yang bertemakan kasih sayang.
- Sementara Cikgu Zam mengajar Ai Ling mendeklamasi sajak, Ai Ching membaca novel "Konserto Terakhir" karya Abdullah Hussein.
- Ai Ling mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Zam dan berjanji akan datang petang esok.

v

- Ai Ling memenangi pertandingan deklamasi puisi tahap satu.
- Tauke Lim sangat gembira dan berterima kasih kepada Cikgu Zam atas jasanya.
- Tauke Lim ingin mengetahui sebab-sebab Cikgu Zam enggan meneruskan bakatnya membaca sajak, menulis sajak, dan mengarang cerpen.
- Sebenarnya Cikgu Zam masih menulis tetapi semuanya disimpan sebagai koleksi peribadi sahaja.
- Banyak kenangan manis di balai raya itu termasuklah Cikgu Zam, Roslan, Ramlie, dan beberapa orang anak muda berpuisi sambil memalu kompong.
- Perpisahan yang berlaku telah menyekat dayanya untuk berkarya sehingga Cikgu Zam mengambil keputusan untuk berhenti berkarya.

vi

- Ai Ling bersetuju untuk mendeklamasi sajak sebelum persembahan zapin bermula.
- Paluan kompong bergema sebaik sahaja YB Samsuri dan pegawai-pegawai daripada Yayasan Warisan Negeri tiba.
- Tepukan gemuruh daripada hadirin bergema sebaik sahaja juruacara mengumumkan nama penulis sajak walaupun Cikgu Zam telah berpesan agar tidak berbuat demikian.
- YB Samsuri amat berpuas hati dengan persembahan zapin, malah beliau berjanji akan memberikan peruntukan kewangan untuk memperlengkapkan peralatan dan pakaian kumpulan zapin D'Purnama.
- Acara pada malam itu berakhir pada pukul 12:15 malam.
- Sebelum pulang, YB Samsuri menemui Cikgu Zam.
- Beliau berharap agar Cikgu Zam dapat memperkembangkan sastera dan bahasa serta menjadikan Seri Purnama sebagai perkampungan sastera.

vii

- Ai Ling kini sudah berusia 12 tahun.
- Belakangan ini, kesihatan Cikgu Zam semakin merosot.
- Beliau kerap berulang-alik ke hospital.
- Cikgu Zam membawa Ai Ling dan Ai Ching ke Pantai Punggur.
- Cikgu Zam menceritakan serba sedikit tentang anaknya, Aiman kepada Ai Ling.
- Ai Ling teringat akan kata-kata arwah bapa Cikgu Zam bahawa beliau amat menyayangi Cikgu Zam.
- Cikgu Zam percaya bahawa tindakannya dahulu adalah betul, iaitu hidup bersama-sama dengan insan yang telah membekalkannya sehingga detik terakhir.

viii

- Kampung Seri Purnama telah dipilih sebagai tuan rumah sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim.
- Dalam bulan Ogos ini juga program Berkampung Bersama Puisi akan dilancarkan.
- Ai Ling giat berlatih untuk memantapkan persembahannya.
- Cikgu Zam hanya mampu berdoa agar beliau terus diberikan kekuatan.
- Beliau berlagak seperti biasa, seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku.
- Pada suatu petang, Ai Ling datang ke rumah Cikgu Zam.
- Ai Ling ternampak beberapa helai kertas kajang bertuliskan yang diklipkan.
- Ai Ling mengagak bahawa Cikgu Zam sedang menulis cerita dan meminta izin untuk membacanya.
- Cikgu Zam memberitahu Ai Ling bahawa cerita itu masih belum siap. Jikalau sudah siap, Ai Linglah orang pertama yang akan membacanya.
- Ai Ling berasa risau melihat keadaan Cikgu Zam yang semakin kurus dan pucat.

ix

- Tinggal dua hari lagi majlis pelancaran Malam Sekampung Puisi akan dilangsungkan.
- Seandainya program ini berhasil, erti arwah Aksara yang bermain-main di bibir Cikgu Zam akan menjadi suatu kenyataan.
- Sebahagian daripada manuskrip yang sempat ditaip, disimpan dalam sekeping sampul surat besar.
- Cikgu Zam dapat merasakan keanehan dalam dirinya pada malam itu.
- Kerinduan pada anaknya, Aiman terlalu memuncak.
- Cikgu Zam mendakap gambar anaknya itu dan menangis teresak-esak.

Bab 4: Desakan Hati

- Hati Haiqal bagai ditarik-tarik merasakan seksa dan kesunyian hidup manusia yang bernama Abdullah bin Kayan.
- Haiqal memberitahu Ratna bahawa dia sudah selesai membaca manuskrip itu.
- Kesunyian hidup arwah bapanya, kesakitan yang ditanggungnya, dan Aksara adalah persoalan yang merumitkan fikirannya.
- Selama ini, Umi tidak pernah bercerita tentang arwah bapa kandungnya.
- Namun begitu, setelah dia membaca manuskrip itu, Haiqal mula mengerti kebencian Umi terhadap arwah bapa kandungnya, iaitu ada kaitan dengan dunia seni dan budaya beliau.

Bab 5: Rindu

- Perkara yang ditinggalkan oleh arwah bapanya hanyalah kerinduan yang sangat panjang dan tidak mungkin terlerai.

- Tiba-tiba terbit perasaan kagum di hati Haiqal tentang kehebatan arwah bapanya.
- Haiqal berasa terlalu rugi kerana tidak dapat hidup bersama-sama arwah bapanya.
- Dunia umi dan walid hanyalah perniagaan butik dan kilang batiknya.
- Sekwatu Abullah bin Kayan meninggal dunia kira-kira tujuh tahun yang lalu, Haiqal tidak dapat mengikut umi dan walid menziarahi jenazahnya kerana dia sedang menduduki peperiksaan UPSR.

Bab 6: Satu Ketetapan

- Kali ini Haiqal benar-benar tekad dengan keputusannya.
- Haiqal memberitahu Ratna tentang keputusannya.
- Haiqal juga memberitahu hasratnya untuk ke kampung arwah bapanya di Johor kepada umi dan walid.
- Pergaduhan tercetus antara Haiqal dengan umi Haiqal.
- Sebaliknya, walid memahami perasaan Haiqal dan merestui pemergian Haiqal.
- Walid akan menampung perbelanjaan Haiqal di Johor nanti.

Bab 7: Perjalanan yang Jauh

- Bas Ekspres yang dinaiki oleh Haiqal meninggalkan stesen bas ekspres Kuala Terengganu.
- Ratna tidak banyak berbicara ketika menghantar Haiqal ke stesen bas.
- Haiqal tersedar apabila bas yang dinaikinya berhenti di R&R Kuantan.
- Haiqal mengisi perutnya yang berkeroncong.

Bab 8: Tiba di Kampung

- Sebaik sahaja turun dari bas, Haiqal termangu seketika.
- Haiqal bertanya kepada seorang pengawal keselamatan tentang surau yang terdekat.
- Selesai menuaikan solat subuh, Haiqal mengambil keputusan untuk menaiki teksi.
- Haiqal juga bertanyakan rumah arwah Abdullah bin Kayan kepada pemilik warung, iaitu Wak Sakimin atau lebih mesra dengan panggilan Wak Min.
- Wak Min meminta Haiqal menunggu Tauke Ong.
- Tauke Ong akan sarapan di warungnya pada setiap pagi.
- Apabila Tauke Ong sampai, dia membawa Haiqal ke rumah arwah bapanya.
- Tauke Ong menyuruh Haiqal berehat dahulu. Dia akan mengambil Haiqal untuk makan tengah hari di pekan.
- Haiqal melihat-lihat sijil dan gambar yang ada di rumah arwah bapanya itu.

Bab 9: Pertemuan

- Pada pukul 12.30 tengah hari, Tauke Ong muncul di rumah arwah bapa Haiqal.
- Di dalam kereta Tauke Ong, terdapat anak gadis Tauke Ong, iaitu See Hwa.
- Rupa-rupanya selama ini, Tauke Onglah yang telah memegang amanah arwah bapa Haiqal, iaitu wang hasil kebun kelapa sawit yang diletakkan dalam akaun bank atas nama Haiqal.
- Tauke Ong memberhentikan keretanya di hadapan restoran di tepi jalan di pekan Parit Raja.
- See Hwa mengajak Haiqal masuk ke dalam restoran dan memesan makanan.
- See Hwa yang fasih berbahasa Melayu dan tidak kedengaran pelat Cina bercerita tentang arwah bapa Haiqal.
- Bagi Haiqal, See Hwa beruntung kerana dapat merasai kasih sayang arwah bapanya dan mengisi kekosongan jiwa beliau.
- Selepas makan, mereka pergi ke kedai buku.

- See Hwa memilih-milih novel yang hendak dibelinya, manakala Haiqal membeli majalah yang berkaitan dengan bahasa dan sastera.
- Ternyata mereka meminati penulis yang sama.
- Haiqal melontarkan pandangan melalui jendela yang terkangkang luas dan mendapati kayu bingkai jendela itu basah.
- Haiqal membaca sms yang dihantar oleh Nurul Asiyah dan membalaasnya.
- Ketika hujan masih renyai, Haiqal menuruni anak tangga untuk pergi ke bilik air yang terletak kira-kira 15 meter dari rumah untuk mengambil wuduk dan menunaikan solat asar.

Bab 10: Pusara

- Tauke Ong meminjamkan motosikalnya kepada Haiqal.
- Tauke Ong memberitahu Haiqal bahawa pusara arwah bapanya berada di bawah pohon kemboja yang paling besar.
- Haiqal tidak dapat menahan sebak dan kerinduannya yang terlalu memuncak terhadap arwah bapanya.
- Dia bermohon semoga roh beliau ditempatkan di sisi orang yang beriman.
- Haiqal memberhentikan motosikalnya berhampiran dengan sekumpulan remaja yang sedang memancing ikan.
- Di situ, Haiqal berkenalan dengan seorang lelaki dalam lingkungan usia 40-an.
- Lelaki itu dikenal sebagai Pak Cik Bakar atau Burn oleh budak-budak muda kampung.
- Pak Cik Bakar mempelawa Haiqal ke rumahnya untuk bercerita lebih lanjut tentang arwah bapa Haiqal yang telah dianggapnya sebagai saudara kandung.
- Haiqal ke warung Wak Min untuk mengisi perut.
- Lamunan Haiqal tersentak apabila bahunya ditepuk oleh Pak Cik Bakar dari belakang.
- Pak Cik Bakar dan Haiqal berbual-bual tentang persembahan zapin.
- Perbualan antara Haiqal dengan Pak Cik Bakar bersambung di anjung rumah Pak Cik Bakar pula.

Bab 11: Suasana Baharu

- Tauke Ong menyerahkan segala urusan kelapa sawit kepada Haiqal dan bersedia membantu jika ada masalah.
- Abang Bidin dan Abang Salleh merupakan orang yang mengambil upah memotong buah kelapa sawit di kebun arwah bapa Haiqal.
- Haiqal mematuhi saranan Tauke Ong agar terus memberikan kepercayaan kepada Abang Bidin dan Abang Salleh untuk melakukan semua kerja di kebun kelapa sawit itu.
- Sudah beberapa hari Haiqal membongkar beberapa buah kotak yang disorokkan di bawah katil arwah bapanya.
- Kotak-kotak itu penuh dengan buku, novel, antologi cerpen, dan beberapa buah manuskrip tulisan tangan.
- Haiqal menggeleng apabila Lazim bertanya sama ada Haiqal pernah ke balai raya atau tidak.
- Lazim berniat untuk membawanya esok petang.
- Menurut Lazim, balai raya merupakan rumah kedua arwah bapa Haiqal.
- Lazim sanggup membantu Haiqal tetapi mesti disertai oleh See Hwa yang lebih tahu tentang Abdullah bin Kayan.
- Sesudah Haiqal menuaikan solat subuh, See Hwa menyapa Haiqal yang berada di anak tangga rumahnya.
- Pagi itu, Tauke Ong membawa Haiqal dan See Hwa menikmati lontong di sebuah gerai di kompleks niaga yang terletak di tengah-tengah pekan.
- Lazim mengambil peluang bertanya kepada See Hwa tentang ayahnya selepas Tauke Ong beredar.
- Haiqal berterima kasih kepada See Hwa kerana sudi membahagiakan arwah bapanya sehingga detik terakhir hidupnya.

Bab 12: Rahsia Balai Raya

- Haiqal ke balai raya dengan See Hwa dan Lazim.
- Haiqal terpaku apabila melihat beberapa buku-buku dalam almari yang dipercayai hasil tulisan arwah bapanya.
- Di bilik pameran itu, Haiqal dapat melihat sejarah hidup arwah bapanya seperti album besar yang menyimpan gambar-gambar beliau.
- Gambar arwah bapanya yang segak berbaju Melayu teluk belanga bersama-sama dengan kumpulan zapin Seri Purnama menarik perhatian Haiqal.
- Lazim mengatakan bahawa arwah bapa Haiqallah yang bertanggungjawab menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama yang sudah lama terkubur.
- Arwah bapa Haiqal juga memujuk ahli-ahli lama yang sudah jauh hati akibat sengketa sesama mereka untuk bergiat dalam kumpulan D'Purnama semula.
- Haiqal dan See Hwa singgah minum di warung Wak Min.
- Sementara itu, Lazim pulang lebih awal untuk memancing puyu.
- See Hwa menjelaskan kepada Haiqal tentang Aksara.
- Arwah bapa Haiqal bercita-cita hendak menjadikan Kampung Seri Purnama sebagai pusat pengembangan sastera di daerah itu
- See Hwa memberitahu Haiqal bahawa arwah bapanya mahu seseorang menyudahkan manuskrip tersebut.
- Beliau mahu Haiqal melaksanakan impian tersebut.
- Di rumah, Haiqal menyelak-nyelak sebuah buku catatan lama milik arwah bapanya.
- Catatan itu tentang jenis-jenis tarian zapin yang dimainkan di negeri ini, iaitu ada lima belas jenis tarian yang disenaraikan pendek dan angka yang keenam pula ditinggalkan kosong itu menarik perhatian Haiqal.
- Catatan itu juga menyenaraikan peralatan yang digunakan dalam persembahan tarian zapin seperti gambus, rebana, gendang, dok (gendang panjang), akordian, biola, dan marakas.
- Haiqal berjumpa dengan Pak Cik Bakar, Haji Salim, dan Wak Arif di warung Wak Min.
- Haiqal mengajukan cadangan untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula.
- Sebaliknya, Pak Cik Bakar meminta Haiqal membincangkan cadangannya itu dengan ketua kampung.
- Pada pandangan Wak Arif, kata-kata Haiqal, iaitu "perkara yang besar itu tidak ada guna jika tergesa-gesa jika hasilnya tidak seberapa" itu tidak ubah seperti kata-kata arwah bapanya.
- Arwah bapa Haiqal sangat teliti dalam membuat keputusan, tidak tergesa-gesa, dan tidak ada istilah "asal boleh".
- Haji Salim bersyukur dengan kehadiran Haiqal.
- Beliau berharap agar ada seorang anak muda seperti Haiqal yang masih berminat untuk mengembalikan zaman kegemilangan kampung mereka dalam bidang sastera dan budaya seperti zapin jincat.
- Haiqal terasa tanggungjawab tersebut amat berat kerana dia terlalu muda dan mentah serta tidak pasti akan perjalanan hidupnya kelak.
- Haiqal terasa sudah ada keserasian jiwanya dengan kampung kelahiran arwah bapanya meskipun baru sebulan lebih dia berada di situ.

Bab 13: Sinar Harapan

- Selepas mendengar cadangan Haiqal, ketua kampung, iaitu Haji Jamil bersetuju untuk mengadakan satu pertemuan dengan semua AJK JKKK.
- Haiqal ingin menyampaikan berita gembira itu kepada See Hwa.
- Semasa Haiqal berkunjung ke rumah See Hwa untuk menyampaikan berita tersebut, See Hwa telah meminjamkan

- buku-buku yang ditulis oleh arwah bapa Haiqal kepada Haiqal
 - See Hwa memberitahu Haiqal bahawa keluarganya amat terhutang budi kepada arwah bapanya.
 - See Hwa dirasakan lebih beruntung daripadanya. Hal ini demikian kerana See Hwa dapat merasai pengalaman hidup bersama dengan arwah bapanya.
 - See Hwa memberitahu Haiqal bahawa arwah bapa Haiqal amat menyayanginya.
 - Kedatangan Haiqal ke kampung itu bermakna doa arwah bapa Haiqal telah dimakbulkan oleh Tuhan.
 - Tauke Ong yang baru pulang memuji cadangan Haiqal untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula.
 - Taukeh Ong juga memberitahu Haiqal supaya tidak bimbang akan masalah penari zapin kerana beberapa orang anak muda kampung berkebolehan dalam tarian zapin.
 - See Hwa dan Haiqal terus berbual tentang bakat Haiqal dalam bidang penulisan sambil menasihati Haiqal agar tidak mensesia-siakan bakatnya.
 - Ketika Haiqal meladeni novel sulung hasil tulisan arwah bapanya, Pak Cik Bakar datang ke rumahnya untuk mengundangnya ke mesyuarat tentang cadangan persembahan zapin di balai raya.
 - Dalam mesyuarat itu, Haji Jamil memberitahu tujuan mesyuarat, iaitu menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula.
 - Selepas mesyuarat, Haiqal berbual-bual dengan Pak Cik Bakar dan beberapa orang ahli kumpulan zapin dan tiga orang ahli JKJK Seri Purnama.
 - Haiqal mendapat tahu bahawa balai raya itu banyak menyimpan kenangan kumpulan zapin D'Purnama, arwah bapanya, dan Aksara.
- ## Bab 14: Mencari Keserasian
- Haiqal banyak menghabiskan waktunya di balai raya.
 - Ahli kumpulan zapin D'Purnama gigih membuat latihan.
 - Haji Salim masih ligat memetik gumbus, Wak Arif tetap bertenaga memalu gendang panjang, Pak Cik Bakar serta dua orang rakannya memalu marwas, Pak Cik Tasrif bermain arkodian, Haji Sulaiman menggesek biola, dan Haji Leman memetik gumbus bergilir-gilir dengan Haji Salim.
 - Setelah diajak berkali-kali oleh Pak Cik Bakar dan Haji Salim, akhirnya Haiqal memberanikan diri bermain tamborin.
 - Haiqal terpaksa akur apabila Pak Cik Bakar, Haji Selamat, Wak Parmin, Abang Ramlan, dan Wak Seman bersungguh-sungguh mahu mengajarnya menari zapin.
 - Selepas berlatih menari zapin, Tauke Ong mengajak Haiqal minum di warung Wak Min.
 - Pak Cik Bakar bertanya perkara yang tertulis dalam manuskrip yang dikirim oleh See Hwa sehingga membuatkan Haiqal sampai ke Kampung Seri Purnama.
 - Haiqal memberitahu Pak Cik Bakar bahawa manuskrip itu tergantung kerana manuskrip itu adalah yang terakhir sebelum bapanya meninggal dunia.
 - Haiqal juga menceritakan watak-watak yang terdapat dalam manuskrip itu.
 - See Hwa mengajak Haiqal bersiar-siar di pantai.
 - Tiba-tiba Haiqal teringatkan Ratna yang kian menyeprikan diri.
 - See Hwa memberitahu Haiqal bahawa pantai itu cukup istimewa buat dirinya dan arwah bapa Haiqal.
 - Di pantai itulah, arwah bapa Haiqal selalu bercerita tentang Haiqal.
 - Sekiranya Haiqal tidak sampai ke sini, See Hwa akan mencarinya di Kuala Terengganu.
 - See Hwa telah melaksanakan tugasnya untuk menyampaikan

- manuskrip itu kepada yang berhak. Manuskrip itu perlu disempurnakan tetapi dia masih tidak tahu kesudahannya.
- Haiqal berharap agar See Hwa memberikan jawapan tentang soalan adakah See Hwa pandai menari zapin.

Bab 15: Tetamu Istimewa

- Balai raya yang sebelum ini sepi dan seolah-olah mati kini kembali berseri.
- Di bahagian belakang balai raya, penduduk kampung sibuk mengemas dan bergotong-royong memasak makanan untuk hidangan para tetamu pada malam ini.
- Seminggu sebelum acara persembahan itu, Haiqal memaklumkan kepada walidnya tentang tarian zapin jincat itu.
- Haiqal meminta walid, umi, dan Nurul Asiyah mendoakannya agar dapat mempersempembanhan tarian zapin dengan baik.
- Lewat petang itu, berita kemalangan Lazim merentap semangat kumpulan zapin D'Purnama.
- Haji Salim mencadangkan supaya See Hwa menggantikan Lazim kerana sewaktu kanak-kanak, See Hwa selalu berpasangan dengan Lazim.
- Haiqal ke rumah Tauke Ong untuk bertanyakan soal penggantian Lazim.
- See Hwa bersetuju untuk menari zapin bersama dengan Haiqal.
- YB Datuk Syaiful Azizi terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal.
- Haiqal amat terharu apabila melihat umi, walid, dan Nurul Asiyah berada di tanah daksina ini untuk melihatnya menari tarian zapin.

Bab 16: Bermula Episod

- Haiqal sangat merasai silir daksina erat mendakap tubuhnya seakan-akan tidak mahu melepaskannya.
- Silir itu terus meniupkan memori-memori lalu yang sentiasa mengajak Haiqal pulang ke Seri Purnama
- Haiqal sedar bahawa dia mestilah berani membuat keputusan. Keputusan untuk belajar di sebuah universiti di Bumi Kenyalang adalah jalan yang terbaik bagi Haiqal.
- Haiqal sedar bahawa dia tidak dapat membahagiakan semua orang tetapi dia tidak mampu untuk melukakakan hati uminya. Haiqal percaya bahawa dendam uminya terhadap arwah bapanya sudah lebur.
- Umi juga sedar bahawa darah yang mengalir dalam tubuhnya ialah darah Abdullah bin Kayan yang cintakan seni dan budaya Melayu.

[Ratna]

- Setelah Haiqal pulang ke Kuala Terengganu, barulah Haiqal tahu sebab Ratna terus menyepi diri.
- Ratna telah membuat keputusan penting yang bakal menentukan masa depan dan perniagaannya.
- Ratna telah bertunang dengan seorang usahawan muda.
- Usahawan muda itu sanggup menjadi rakan kongsinya dan rakan hidupnya.

[See Hwa]

- Ketika Haiqal meninggalkan Kampung Seri Purnama, See Hwa telah beberapa kali menangis.
- Haiqal teringat ketika Tauke Ong mendakap tubuhnya, Tauke Ong sempat memberitahunya agar tidak lupa untuk kembali ke Seri Purnama kerana ada seseorang yang sentiasa merinduinya.
- Haiqal teringat kata Pak Cik Bakar yang menasihatinya agar mengambil kesempatan berada di situ untuk lebih mengenal See Hwa.

- Haiqal tetap berusaha mengenal dan mendekati See Hwa walaupun di mana-mana dia berada.
- Perkara yang selainnya diserahkan kepada takdir Ilahi.

[Aksara]

- Haiqal sedar bahawa dia perlu menjadi seperti arwah bapanya untuk mewujudkan Aksara semula.
- Hasrat itu masih terlalu jauh daripada jangkauannya kerana dia belum ada apa-apa yang dapat melayakkannya untuk memimpin Aksara.

[Manuskrip]

- Manuskrip arwah bapanya masih kemas tersimpan dalam simpanan Haiqal.
- Bilangan muka manuskrip itu masih tetap sama dan tidak ada apa-apa berubah.
- Ketika malam yang sunyi dan damai, Haiqal titipkan pesanan ringkas kepada See Hwa melalui sms, iaitu "See Hwa, jika ayahku itu bukan Abdullah bin Kayan yang punya nama tersohor dan besar, percayalah aku akan tetap mencari jejaknya. Jika kamu benar-benar Ai Ling seperti tertulis dalam manuskrip lama itu, percayalah aku akan tetap menjejakimu".
- Haiqal terasa silir daksina benar-benar mendamaikannya.

Tema

Tema novel "Silir Daksina" ialah konflik kekeluargaan.

Persoalan

- Cinta akan seni sastera dan budaya bangsa.
- Keberanian mengambil risiko untuk memajukan perniagaan.
- Ketegasan dalam membuat tindakan dan keputusan.
- Kebijaksanaan berikhtiar dalam menyelesaikan masalah.
- Ketabahan menghadapi keruntuhuan dalam rumah tangga.
- Kepentingan ilmu sebagai cahaya kehidupan.
- Kepentingan menghargai budaya dan warisan bangsa.
- Bersikap baik hati terhadap orang lain.
- Penyesalan terhadap kesalahan masa silam.

Watak dan Perwatakan

Haiqal/Aiman

- Anak kepada umi dan Abdullah bin Kayan.
- Remaja yang bijak bermain dengan kata-kata.
- Anak yang baik terhadap uminya.
- Penyayang dan baik hati.
- Bersifat berani.
- Pandai dalam pelajaran.
- Berbakat dalam seni sastera.
- Tidak pemarah.
- Taat pada perintah agama.
- Kawan baik kepada Ratna.
- Berpendirian tegas.

Abdullah bin Kayan/Amirulnizam/Cikgu Zam

- Pencinta sastera dan budaya.
- Amat menyayangi anaknya, Aiman/Haiqal.
- Halus jiwynya tetapi kuat dan tabah.
- Mempunyai keinginan yang kuat dan luar biasa terhadap kebudayaan yang ada di kampungnya.
- Bersikap pemalu.
- Berpengaruh di Kampung Seri Purnama.
- Mempunyai ketokohan dalam bidang kesusteraan dan diiktiraf oleh kerajaan negeri.
- Sangat teliti dalam membuat keputusan.

- (i) Tidak bersikap tergesa-gesa.
- (j) Penari zapin.

See Hwa/Ai Ling

- (a) Anak kepada Tauke Ong/Tauke Lim.
- (b) Memiliki rambut lembut, lurus, dan keperang-perangan,
- (c) Fasih berbahasa Melayu dan tiada kedengaran pelat Cina ketika bercakap dalam bahasa Melayu.
- (d) Pandai mendeklamasi puisi dan pernah memenangi Pertandingan deklamasi sajak sewaktu di sekolah rendah.
- (e) Rajin menyiapkan kerja sekolah.
- (f) Gadis yang pendiam.
- (g) Mempunyai perwatakan menarik dan ayu.
- (h) Suka akan masakan yang pedas-pedas.
- (i) Bersikap amanah.

Tauke Ong/Tauke Lim

- (a) Ayah kepada Ai Ling/Swee Ha dan Ai Ching.
- (b) Rajin menoreh getah dan meraih pisang dan pinang untuk dijual di pekan.
- (c) Jujur dan baik hati.
- (d) Tahu membalias budi orang lain.
- (e) Suka akan seni budaya tarian zapin.
- (f) Bertanggungjawab terhadap anak-anaknya.
- (g) Menepati masa.
- (h) Pandai bergaul dengan masyarakat Melayu.

Latar

Latar Tempat

- (a) Kuala Terengganu.
- (b) Kampung Seri Purnama.
- (c) Balai raya Kampung Seri Purnama.
- (d) Gerai makan milik Ratna di Pantai Batu Buruk.
- (e) Restoran mamak.
- (f) Kebun kelapa sawit peninggalan datuk dan bapa Haiqal.
- (g) Warung Wak Min.
- (h) Pusara Abdullah bin Kayan.
- (i) Rumah Tauke Ong.
- (j) Stesen bas Batu Pahat.

Latar Masa

- (a) Seawal usia Haiqal menginjak enam tahun.
- (b) Waktu keputusan SPM keluar.
- (c) Pada sebelah pagi, petang, dan lewat malam.
- (d) Waktu hujan lebat sejak subuh.
- (e) Jangka masa lapan belas tahun.
- (f) Lebih sepuluh tahun.
- (g) Tepat pukul 9:30 malam.
- (h) Pukul 12:30 tengah hari.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat peniaga.
- (b) Masyarakat guru.
- (c) Masyarakat yang cinta akan budaya bangsa.
- (d) Masyarakat terpelajar.
- (e) Masyarakat yang hidup harmoni.
- (f) Masyarakat majmuk.
- (g) Masyarakat penyayang.
- (h) Masyarakat yang sombong dan mementingkan diri.
- (i) Masyarakat usahawan.
- (j) Masyarakat sasterawan.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara tidak kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Haiqal mengalami konflik jiwa, iaitu dia ingin mengenali arwah bapanya, iaitu Abdullah bin Kayan.

Konflik jiwa ini timbul apabila dia menerima senaskah manuskrip daripada seorang gadis Cina, iaitu See Hwa. Kiriman manuskrip itu benar-benar mengejutkan Haiqal. Sebelum memasuki sekolah tadika, umi memberitahu Haiqal bahawa walid bukan ayah kandungnya. Apabila Haiqal bertanyakan uminya tentang bapa kandungnya, umi menyatakan bahawa bapa kandungnya berada jauh dan tiada di situ. Sejak itu, dia tidak pernah bertanya tentang bapa kandungnya lagi. Semasa Haiqal berada di tahun enam, mereka mendapat perkhabaran yang menyedihkan, iaitu bapa kandungnya telah meninggal dunia. Namun begitu, umi tidak membenarkan Haiqal pergi melawat jenazah arwah bapanya atas alasan dia sedang menduduki peperiksaan UPSR. Sebaliknya, umi hanya pergi melawat jenazah bekas suaminya dengan walid.

- (c) **Perkembangan** – Kisah kehidupan Abdullah bin Kayan diceritakan dalam manuskrip sebagai Cikgu Amirulnizam atau Cikgu Zam. Cikgu Zam menetap di Kampung Seri Purnama. Cikgu Zam bertugas sebagai guru di sekolah rendah. Cikgu Zam juga terlibat dalam aktiviti sastera dan budaya. Beliaulah yang bertanggungjawab menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama yang telah lama terkubur. Malah, Cikgu Zam turut menggerakkan anak muda di kampung itu dengan aktiviti kebudayaan seperti deklamasi sajak dan tarian zapin. Selain itu, Cikgu Zam terlibat dalam penulisan novel, cerpen, dan puisi. Cikgu Zam mendapat sokongan padu daripada Tauke Lim, Pak Cik Bakar, Pak Haji Salam, dan orang kampung yang lain. Kegiatan sastera dan budaya yang digerakaktifkan oleh Cikgu Zam mendapat perhatian Yang Berhormat Samsuri. Cikgu Zam bercadang untuk menubuhkan Aksara, iaitu singkatan kepada Akademi Sastera Rakyat. Walau bagaimanapun, kehidupan Cikgu Zam terasa kosong kerana anaknya tiada di sisinya. Disebabkan terlalu rindu akan anaknya, Cikgu Zam menumpahkan segala kasih sayang terhadap anak kandungnya itu kepada Ai Ling. Pada masa yang sama, beliau merahsiakan penyakit yang dihidapnya daripada pengetahuan orang lain. Pada akhir hayatnya, Cikgu Zam sempat menulis manuskrip. Manuskrip itu diserahkan kepada Ai Ling untuk disampaikan kepada Haiqal. Setelah Cikgu Zam meninggal dunia, See Hwa mengirimkan manuskrip tersebut kepada Haiqal yang berada di Kuala Terengganu.

- (d) **Perumitan** – Haiqal terasa amat rindu kepada arwah bapa kandungnya itu selepas dia menerima manuskrip tersebut. Haiqal ingin menjelaki bekas-bekas kehidupan arwah bapanya di Kampung Seri Purnama, Parit Raja, Batu Pahat. Pada masa yang sama, Haiqal tidak mahu melukakan hatinya uminya dan walid yang telah membelanya sejak kecil. Haiqal menceritakan konflik yang sedang dialaminya itu rakan baiknya, Ratna sewaktu mengunjungi gerai makan Ratna di Pantai Batu Buruk.

- (e) **Klimaks** – Haiqal memberitahu umi dan walid bahawa dia ingin pergi ke kampung arwah bapanya. Umi Haiqal tidak bersetuju kerana tiada apa-apa lagi yang tinggal selepas kematian arwah bapanya. Meskipun dimarahi dan ditentang oleh umi, Haiqal tetap tegar dengan keputusannya. Oleh hal yang demikian, umi mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan mendapat apa-apa belanja sepanjang berada di kampung halaman arwah bapanya itu. Sebaliknya, walid merestui tindakan Haiqal. Belia berjanji akan menanggung perbelanjaan Haiqal di sana.

- (f) **Pelerian** – Haiqal tiba di stesen bas Batu Pahat. Kemudian, dia menaiki teksi ke Kampung Seri Purnama, iaitu kampung halaman arwah bapanya. Di kampung itu, Haiqal dipertemukan dengan See Hwa, Tauke Ong, Pak Cik Bakar, Haji Saleh, Lazim, dan lain-lain. Dengan bantuan

mereka, Haiqal berjaya menjelaki bekas-bekas kehidupan arwah bapanya. Di situ juga, Haiqal dapat melihat sendiri hasil penulisan arwah bapanya serta gambar-gambar beliau. Haiqal mendapat arwah bapanya bukanlah calang-calang orang. Beliau mempunyai nama besar dalam sastera dan budaya. Haiqal mencadangkan agar kumpulan zapin D'Purnama dihidupkan semula selepas pemergian arwah bapanya. Selain itu, cadangan Haiqal untuk mengadakan persembahan tarian zapin disokong oleh penduduk kampung. Pelbagai persiapan dilakukan selepas mendapat persetujuan daripada ketua kampung. Haiqal juga terlibat dalam latihan tarian zapin selepas dicadangkan oleh Tauke Ong dan mendapat sokongan daripada Pak Cik Bakar, Haji Saleh, dan lain-lain. Pada hari persembahan tarian zapin, Haiqal yang sepatutnya berpasangan dengan Lazim terpaksa berpasangan dengan See Hwa kerana Lazim mengalami kemalangan. Persembahan Haiqal dan See Hwa mendapat sambutan daripada Yang Berhormat dan penduduk kampung. Sewaktu Haiqal mempersembahkan tarian zapin, Haiqal mendapat umi, walid, dan adik tirinya, Nurul Asiyah turut menyaksikan persembahan tersebut. Haiqal berasa amat gembira. Kemudian, Haiqal melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang.

Teknik Plot

- Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Cikgu Zam dengan Tauke Lim. Perbualan mereka berkisar tentang Ai Ling yang berminat dalam tarian zapin.
- Teknik imbas kembali. Contohnya, Haiqal teringat akan peristiwa umi memberitahunya bahawa walid ialah bapa tirinya, bukan bapa kandungnya.
- Teknik kejutan. Contohnya, ketika asyik menari tarian zapin, Haiqal terpandang tiga susuk manusia yang cukup dikenali. Peristiwa ini mengejutkan pembaca kerana selama ini, umi tidak merestui keputusan Haiqal untuk menjelaki bekas-bekas kehidupan arwah bapanya.
- Teknik monolog. Contohnya, Haiqal bermonolog tentang dirinya yang tidak tahu hendak memalu kompong. Malah memegang kompong pun dia tidak pernah, apatah lagi menari zapin.
- Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan keadaan Haiqal ketika turun dari bas di stesen bas Batu Pahat. Haiqal termanggu seketika. Dia meletakkan beg besar di sebuah bangku kayu panjang yang kosong di tepi stesen bas itu.
- Teknik saspens. Contohnya, pembaca bertanya-tanya tentang peristiwa yang akan berlaku apabila Tauke Ong yang membawa Haiqal makan tengah hari tetapi setiba di pekan, dia meninggalkan Haiqal dengan anaknya, See Hwa sahaja atas alasan dia ada urusan di bank.

Gaya Bahasa

- Ayat pendek. Contoh: *Aku mengangguk; Dia senyum; Dahinya berkerut.*
- Bahasa Arab. Contoh: *Alhamdulillah; Insya-Allah; nabi; Ustazah.*
- Bahasa Indonesia. Contoh: *sore; bergantayangan; omong kosong; terjejit; meladeni.*
- Bahasa Inggeris. Contoh: *teori; persepsi; fleksibel; dilema; diktator; sentimental.*
- Diksi yang indah dan emotik. Contoh: *Adakalanaya, aku seakan-akan hampir lemas dalam lautan rindu itu; badai apa yang melanda jiwaku; Haiqal melontarkan pandangan melalui jendela yang terkangkang luas.*
- Hiperbola. Contoh: *Perasaan yang mencakar-cakar hati; Kuhapuskan ombak sebak yang menghempaskan*

dada; akhirnya hilang ditelan kesibukan jalan raya di pekan Parit Raja.

- Peribahasa. Contoh: *tulang belakang; turun padang; Lain lubuk, lain ikannya; alah bisa tegal biasa.*
- Personifikasi. Contoh: *Jeritan loceng telah menyentap lamunanku; Dapat kurasa kedingin malam kian mendakap; Batu Buruk masih belum mahu tidur.*
- Simile. Contoh: *seperti ular melekat di daun; macam arwah ayah cikgu dulu; Hatinya bagai ditarik-tarik; ibarat dicurah dengan kerosin; persis si dungu.*

Nilai

- Nilai kasihan. Contohnya, datuk kepada Haiqal kasihan akan Tauke Lim yang dilanda kesusahan apabila semua harta ayahnya tergadai akibat perangai abangnya yang gila judi. Dengan itu, datuk kepada Haiqal telah mengupah Tauke Lim menoreh di kebun getahnya.
- Nilai semangat setia kawan. Contohnya, Haiqal berkawan baik dengan Ratna dan mereka saling menasihati.
- Nilai tanggungjawab. Contohnya, Tauke Lim tidak mahu membeli kereta baru kerana dia mahu simpan duit untuk memenuhi keperluan persekolahan anak-anaknya.
- Nilai ketabahan. Contohnya, Abdullah bin Kayan tabah mengharungi konflik hidup apabila terpisah dengan anaknya dan menghadapi penyakit sehingga membawa maut.
- Nilai kasih sayang. Misalnya, Haiqal begitu sayang akan arwah bapanya. Lantaran itu, Haiqal pergi ke kampung halaman arwah bapanya untuk menjelaki bekas-bekas kehidupan Abdullah bin Kayan.
- Nilai berilmu berpengetahuan. Contohnya, Haiqal meneruskan persekolahannya di tingkatan enam, kemudian menyambung pengajian di Bumi Kenyalang.
- Nilai budi bahasa. Misalnya, Ai Ling atau See Hwa amat berbudi bahasa ketika melayan Haiqal yang berseorangan di Kampung Seri Purnama.
- Nilai ketataan. Contohnya, Haiqal akan keluar makan selepas dia sudah menuunaikan solat maghrib dan isyak.
- Nilai amanah. Contohnya, See Hwa sangat sayang akan manuskrip yang diterima daripada arwah bapa Haiqal. Namun begitu, See Hwa tetap menyerahkan manuskrip itu kepada Haiqal sebagai menuaikan amanah yang diberikan oleh arwah bapa Haiqal.
- Nilai cinta akan seni budaya bangsa. Contohnya, arwah bapa Haiqal berusaha keras untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama yang telah berkubur selepas ahli kumpulan berpecah belah.

Pengajaran

- Kita hendaklah cinta akan seni budaya bangsa supaya tidak dilupakan oleh generasi baharu.
- Kita mesti menghargai persahabatan agar wujud kebaikan dalam bersahabat.
- Ibu bapa sepatutnya bertanggungjawab terhadap anak masing-masing supaya hidup mereka terbela.
- Kita harus tabah dalam melaksanakan sesuatu kerja supaya matlamat kerja tersebut tercapai.
- Hubungan anak dengan bapa tidak sepatutnya diputuskan agar anak tidak menghadapi konflik dalam kehidupan mereka.
- Kita mesti bersatu padu dan bekerjasama dalam masyarakat supaya keharmonian terjamin.
- Kita hendaklah sentiasa berbudi bahasa.
- Sebagai anak, kita wajib mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa kita.
- Kita harus menuaikan amanah yang diserahkan kepada kita.